

## BAB TIGA

### AMALAN RAWATAN MELALUI BACAAN ASAS SEPULUH PERTAMA

#### 3.0. Pendahuluan

Bab ini menyentuh tentang kelebihan dan fadilat beramal dengan amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama Darussyifa' dan pertikaian daripada beberapa orang yang tidak boleh menerima kompenan bacaannya. Dibincang juga dalam bab ini penyelesaian terhadap pertikaian yang berlaku dan hukum beramal dengan Bacaan Asas Sepuluh Pertama Darussyifa', yang mana ia merupakan tujuan utama bagi disertasi ini serta menjadi rujukan bagi mereka yang inginkan penjelasan mengenainya.

Apabila menyebut amalan yang berupa bacaan ayat al-Quran, selawat, doa dan seumpamanya, ia merupakan kesukaan Allah dan janji Allah tetap akan tertunai kepada siapa yang mengingati-Nya, mentaati-Nya serta menjauhi perbuatan maksiat, kerana melazimkan diri dengan sikap sebegini akan disenangi dan dicintai Allah, maka segala pertuturan, perlakuan, tindakan malah apa sahaja yang melingkari hidupnya akan mendapat bimbingan dan diredayai Allah. Apabaila telah sampai ke martabat ini, layaklah baginya memiliki kehormatan daripada Allah s.w.t., maka doanya akan mudah diijabah, harapan dan cita-cita akan tercapai, setiap ketika dan di mana sahaja akan mendapat pertolongan Allah apabila memerlukannya.<sup>1</sup>Telah bersabda Rasulullah s.a.w.

---

<sup>1</sup> K.H.M Ali Usman, H.A.A Dahlan, Dr. H.M.D. Dahlan (t.t.). *ÍadÉth Qudsi*, cet. Kesembilan, Kuala Lumpur : Sentul, h. 370-371.

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ، يَقُولُ: مَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّىٰ أُحِبَّهُ، فَإِذَا كُونَ أَنَا سَمِعْهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ، وَبَصَرْهُ الَّذِي يُبَصِّرُ بِهِ، وَلِسَانَهُ الَّذِي يَنْطِقُ بِهِ، وَقَلْبُهُ الَّذِي يَعْقِلُ بِهِ، فَإِذَا دَعَأَ أَجْبَثُهُ، وَإِذَا سَأَلَنِي أَعْطَيْتُهُ، وَإِذَا اسْتَنْصَرَنِي نَصَرْتُهُ، وَأَحَبُّ مَا تَعْبَدُ لِي عَبْدِي بِهِ النُّصْحُ لِي.<sup>2</sup>

*Terjemahannya:*

*Hamba-Ku senantiasa mendekatkan diri kepada Aku dengan melakukan amalan-amalan sunat, sehingga dia Aku senangi dan cintai. Maka dengan itu Akulah yang akan menjadi pendengarannya yang dengannya dia mendengar, penglihatannya yang dengannya dia melihat, lidahnya yang dengannya dia bertutur bicara dan akalnya yang dengannya dia berfikir. Justeru apabila dia berdoa kepada-Ku, nescaya Aku akan perkenankan doanya, apabila dia meminta sesuatu kepada-Ku, nescaya Aku akan kurniakan kepadanya, dan apabila dia memohon pertolongan kepada-Ku, nescaya Aku akan menolongnya. Sesungguhnya ibadah yang dia lakukan kepada-Ku yang paling Aku senangi ialah menunaikan kewajipannya dengan sebaik-baiknya untuk Aku.*

Begitu juga dengan Bacaan Asas Sepuluh Pertama yang mana kandungannya terdiri daripada gabungan ayat-ayat al-Qur'an, Íadâth, Asmâ' Allah, selawat dan doa. Berasaskan teori di atas maka ahli Darussyifa' diajar, disaran supaya menjadikannya amalan rutin sebagai dhikir harian.

### 3.1. Kelebihan dan Fadilat Beramal Dengan Himpunan Bacaan Asas Sepuluh Pertama

Memandangkan disertasi ini memberi fokus kepada prinsip pengubatan maka penulis hanya membincangkan mengenai fadilat dan kelebihan beramal dengan ayat, doa, jampi

---

<sup>2</sup> Sulaimân Bin Ámad Bin Ayyâb Abî al-Qâsim al-Ùâbrânâ (1983), *al-Mu'jâm al-Kâbîr*, cet. 2, juz. 8, no. Íadâth 7833, Bab. Al-Øad, al-Muwassal: Maktabah al-'Ulâm wa al-Hukum, h. 206. Lihat juga dalam Abî Bakr Ámad Bin xusain al-Baihaqî, (1996), *Kitâb al-Zuhd al-Kâbîr*, cet. 3, juz. 2, no. Íadâth 702, Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah, h. 273.

yang terkumpul dalam bacaan Asas Sepuluh Pertama di Darussyifa' dari sudut pengubatan sahaja.

a) Kelebihan dan Fadilat Bacaan Surah al-Fatiyah Dalam Pengubatan<sup>3</sup>

Adalah dikenali juga *al-Fatiyah* itu dengan *al-ØolÉh* kerana ia merupakan satu surah sebagai syarat sah solat.<sup>4</sup> Selain itu *al-Fatiyah* juga disebut dengan *al-ShifÉ*' lantaran keberkesanannya sebagai penyembuh dari setiap racun dan dipanggil juga ia dengan *al-Ruqyah* kerana kesan dari peristiwa seorang sahabat Rasulullah s.a.w. menggunakan sebagai jampi orang yang terkena sengatan.<sup>5</sup>

Kelebihan surah *al-Fatiyah* dapat juga dilihat melalui pengiktirafan Allas s.w.t. sendiri yang telah membahagikan *al-Fatiyah* itu kepada dua bahagian iaitu sebahagian untuk diri-Nya dan sebahagian lagi untuk hamba-Nya sebagaimana telah bersabda Rusulullah s.a.w..

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى قَسْمَتُ الصَّلَاةَ بَيْنِ وَبَيْنَ عَبْدِي نِصْفَيْنِ وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ فَإِذَا قَالَ الْعَبْدُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . قَالَ اللَّهُ تَعَالَى حَمْدِنِي وَإِذَا قَالَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ . قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى أَنِّي عَلَى عَبْدِي . وَإِذَا قَالَ مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ . قَالَ مَجَدِنِي عَبْدِي وَقَالَ مَرَّةً فَوَضَّ  
إِلَيْهِ عَبْدِي فَإِذَا قَالَ إِلَيْكَ نَعْبُدُ وَإِلَيْكَ نَسْتَعِينُ . قَالَ هَذَا بَيْنِ وَبَيْنَ عَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ  
فَإِذَا قَالَ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ عَيْرَ الْمَعْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا  
الضَّالِّينَ قَالَ هَذَا لِعَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ<sup>6</sup>

<sup>3</sup> Lihat bab 1, h. 33.

<sup>4</sup> IsmÉ' El bin 'Umar Ibn KathÉr (1998). *TafsÉr al-Qur'Én al-'ADÉm*, cet. Kedua, j. 1. Beirut, Lubnan. DÉr al-Fikr, h. 19.

<sup>5</sup> Muhammad Umar Ghazali (2007). *Rahsia & Keistimewaan Surah al-Fatiyah*. Batu Caves, Selangor: Puska Ilmi, h. iii.

<sup>6</sup> ÁImad bin al-xusain bin 'AlÉ bin MËsÉ AbÉ Bakr al-BaihaqÉ (1994/1414H), *Sunan al-BaihaqÉ al-*

*Terjemahannya:*

*Telah berfirman Allah Taala Aku telah membahagikan Îolah (al-Fâtiâlah) antara Aku dan hamba Aku kepada dua bahagian dan untuk hamba-Ku apa yang dimintanya, maka apabila hamba-Ku mengucapkan segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, maka Allah Taala menjawab “hamba-Ku telah memuji-Ku”. Apabila dia mengucap yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, maka Allah Taala menjawab “hamba-Ku telah menyanjung-Ku”. Apabila dia mengucapkan Yang menguasai di hari pembalasan. maka Allah Taala menjawab “hamba-Ku telah mengagungkan Aku” dan “hamba-Ku telah berserah diri kepada-Ku”. Apabila dia mengucap hanya Engkaulah sahaja yang kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan, maka Allah Taala menjawab “inilah bahagian-Ku dan bahagian hamba-Ku dan bagi hamba-Ku apa yang dimintanya”. Apabila dia mengucap Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau berikan nikmat kepada mereka, dan bukan (jalan) mereka yang Engkau murkai dan tidak pula jalan mereka yang sesat, maka Allah Taala menjawab “ini bahagian hamba-Ku dan bagi hamba-Ku apa yang dimintanya”*

Antara hujah yang menyatakan ia adalah satu surah yang amat istimewa ialah kerana di dalamnya terkandung nama-nama Allah yang amat sesuai dengan-Nya dan memberi kefahaman kepada kita bahawa isi kandungannya merupakan ibu bagi segala pelajaran iaitu *TauÍEd* (*TauÍEd UlËhiyyah* dan *TauÍEd RubËbiyyah*). Selain itu kandungan pengajarannya juga menunjukkan kepada kita betapa kuatnya pertalian antara *khâliq* dengan *makhluq*-Nya.<sup>7</sup> Apabila hubungan seseorang hamba dengan Allah s.w.t. sudah akrab dan rapat melalui puji-pujian kepada-Nya, maka segala unsur kejahanan dapat dihapuskan dan terserlahlah kebaikan serta kedamaian.<sup>8</sup>

Walau bagaimana pun sebelum dibincangkan mengenai kelebihan surah *al-Fâtiâlah* secara keseluruhan ayatnya, penulisan ini akan melihat seraca ringkas dan

---

<sup>7</sup> *Kubrâ*. no. Íadâth, 2195, kitab al-*xâliq*, bab Ta‘yîn al-Qirâ’ah Bi Fatiâlah al-Kitab, al-Makkah al-Mukarramah: Maktab Abd. Al-Qâdir ‘Alî, h. 38.

<sup>8</sup> Abdul Malik Abdul Karim Abdullah( 1999), *op. cit.*, jld. 1, h. 62.

<sup>8</sup> ‘Abdullâh Yâsîf ‘Ali (1996), *op. cit.*, h. 15.

sepintas lalu mengenai bacaan Basmalah sahaja terutama bagi mereka yang mengikut pandangan atau madhhab al-Imám al-Sháfi‘î dan mereka yang sependapat dengannya, bahawa ia adalah salah satu daripada ayat-ayat *al-Féti‘ah*.<sup>9</sup> Cuma penulis melihat bacaan Basmalah dari sudut perubatan sahaja bagi menambahkan lagi keistimewaan surah *al-Féti‘ah* apabila ia dijadikan amalan atau diguna dalam pengubatan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Syekh Mahyudin Achi. Bahawa kekuatan membaca dan beramal dengannya boleh menjadi penawar penting dalam merawat mereka yang mendapat gangguan syaitan.<sup>10</sup>

Surah *al-Féti‘ah* juga dinamakan “*al-Syifé*” kerana ia boleh dijadikan penawar dalam menyembuh penyakit Sebagaimana Íadéth yang dibawa datang oleh al-Dérimé.

عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ عُمَيْرٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاتِحَةُ الْكِتَابِ شِفَاءٌ مِّنْ كُلِّ دَاءٍ<sup>11</sup>

*Terjemahannya:*

*Daripada ‘Abd al-Malik bin ‘Umair berkata. Telah bersabda Rasulullah s.a.w. Fati‘ah itu adalah penawar bagi segala penyakit.*

Manakala berdasarkan Íadéth lain yang dibawa datang oleh *Ibn Kathér* ia juga boleh menawarkan segala yang beracun. Sebagaimana Íadéth.

---

<sup>9</sup> Wahbah al-Zuhailé (Dr), (1997/1418H). *Al-Fiqh al-Islamé Wa Adillatih*, cet. 4, j. 2, Damshiq: Dér al-Fikr, h. 835. Lihat juga dalam *al-Fiqh al-Muyassar FÉ al-‘Ibédé Et Wa al-Mu‘émalat*, Almad ‘Isé ‘Ashér, (t.t) Dér al-Yésuf, juz. 1, hlm. 115-116. Lihat juga dalam Al-Syekh Syams al-dén Muámmad bin Muámmad al-Khérib al-Syarbiné (t.t), *al-Iqné FÉ Halli Alféd Abé Syujé*, Lubné Bérét: Dér al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 1, h. 302-306.

<sup>10</sup> Mahyudin Achi (Syekh) (2007), Abdul Ghani Jabal Maraqqi (terj.), *Fadhilat Amalan Berdasarkan Hadis*, cet. 1 Kota Bharu, Kelantan: Jabal Maraqqi Enterprise, h. 12.

<sup>11</sup> ‘Abd Alléh bin ‘Abd al-Ráímén bin al-Faillé bin Bahiré al-Dérimé (t.t.). *Sunan al-Dérimé*, Béb Faillé Féti‘ah al-Kitéb, j. 10, Mauqi‘ Wa‘zérah al-Auqéf al-Mi‘riyyah, h. 305.

*Terjemahannya:*

*Fatiḥah itu adalah penawar (penyembuh) bagi segala racun.*

Contohnya untuk mengubati sakit terkena sengatan kala dengan membaca surah *al-FÉtiḥah*; Gunakan sebuah bekas yang bersih dengan diisi air dan sedikit garam lalu dibaca padanya surah *al-FÉtiḥah* sebanyak tujuh kali dan diberi minum kepada orang yang disengat kala. Insya Allah akan sembuh ia.<sup>13</sup> Sebagaimana dalam *ÍadÉth* yang diriwayatkan oleh AbÉ Sa‘Ed al-KhudrÉ mengenai seorang ketua suku yang disengat binatang bisa dan dirawat oleh seorang sahabat Nabi s.a.w. yang hanya menjampi dengan membaca surah *al-FÉtiḥah* lalu sembuh ketua suku tersebut.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَوْا عَلَى حَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَلَمْ يَقْرُوهُمْ فَبَيْنَمَا هُمْ كَذَلِكَ إِذْ لُدْغَ سَيِّدُ أُولَئِكَ فَقَالُوا هَلْ فِيْكُمْ دَوَاءٌ أَوْ رَاقِيٌّ فَقَالُوا إِنَّكُمْ لَمْ تَقْرُونَا وَلَا نَفْعَلُ حَيًّا بَجْعَلُوا لَنَا جُعْلًا. فَجَعَلُوا لَهُمْ قَطِيعًا مِنْ شَاءَ قَالَ فَجَعَلَ يَقْرُأُ أَمْ الْقُرْآنِ وَيَجْمَعُ بُرَاقَهُ وَيَتَفَلَّ فَبِرَا الرَّجُلُ فَأَتَوْهُمْ بِالشَّاءِ فَقَالُوا لَا تَأْخُذُهَا حَيًّا نَسْأَلُ عَنْهَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلُوا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ فَضَحِّكَ وَقَالَ مَا أَدْرَاكَ أَنَّهَا رُقْيَةٌ خُذُوهَا وَاضْرِبُوا لِي فِيهَا بِسَمٍِّ<sup>14</sup>

*Terjemahannya:*

Daripada AbÉ Sa‘Ed al-KhudrÉ bahawa beberapa sahabat Nabi s.a.w. telah datang ke salah satu desa orang arab dan mereka tidak diterima sebagai tetamu. Ketika mereka dalam keadaan demikian, pemimpin penduduk desa itu disengat binatang, lalu orang di desa itu bertanya: Adakah kamu mempunyai ubat atau adakah di antara kamu yang boleh menjampi. Para sahabat menjawab kamu tidak mahu menerima kami sebagai tetamu dan kami tidak akan mengubatinya sehingga kamu

<sup>12</sup> IsmÉl Bin ‘Umar Bin KathÉr (1998), *op. cit.*, juz. 1, h. 19.

<sup>13</sup> Muhd. Abd. Ghani (1996), *op. cit.*, h. 21.

<sup>14</sup> AbÉ ‘Abd AllÉh MuÍammad bin IsmÉil, (1987/1407H), *op. cit*, jld. 5, no. ÍadÉth 5404, Kitab al-Ùibb, h. 2166.

memberi kami sesuatu. Maka penduduk desa itu memberi mereka beberapa ekor kambing, *lalu salah seorang daripada mereka membaca Ummu al-Quran (al-Fatiyah), setelah itu dikumpulkan air ludahnya di mulutnya dan diludahi tempat yang sakit dan orang tersebut sembuh, maka mereka menyerah kambing-kambing tersebut. Lalu berkata para sahabat: Kami akan bertanya dahulu kepada Nabi s.a.w. baru kami ambil dan mereka pun pergi bartanya kepada Baginda s.a.w.. Baginda tertawa dan berkata, siapakah yang memberitahu kamu bahawa ayat (al-Fatiyah) itu jampi? Ambillah kambing itu dan bari kepada saya sebahagian.*

b) Kelebihan dan Fadilat Bacaan Ayat al-Kursi Dalam Pengubatan<sup>15</sup>

Boleh dikatakan sudah termasyhur pada pengetahuan umum akan kelebihan dan fadilat *ayat al-Kursi* boleh mengubati orang dirasuk jin, cuma kaedah penggunaannya sahaja berbeza. Melalui disertasi ini penulis membawa satu contoh kaedah merawat penyakit gangguan jin atau syitan, iaitu dengan melafazkan ucapan azan sebanyak tujuh kali di telinga kanannya, dibaca surah *al-Fatiyah*, *mu'awwidhatain*, *ayat kursi*, *akhir s̄Erah al-×asyr* dan *s̄Erah al-ÙÉriq*.<sup>16</sup>

c) Kelebihan dan Fadilat Membaca (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) Dalam Pengubatan<sup>17</sup>

Keistimewaan beramal dengan *Asmá' al-×usná* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) cukup baik dan berkesan bagi perempuan yang sudah lama berhasrat untuk memiliki anak dengan menjadikannya sebagai wirid harian. Lebih elok lagi jika *Asmá' al-×usná* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) yang menjadi amalan

<sup>15</sup> Lihat bab 1, h. 33.

<sup>16</sup> Ustaz Muhd. Abd. Ghani (1996), *op. cit.*, h. 21.

<sup>17</sup> Lihat bab 1, h. 34.

di Darussyifa' itu digabungkan dengan **يَا بَارِئٌ، يَا مَصْوُرٌ**<sup>18</sup>. يَا خَالقُ, يا بارئ, يا مصور <sup>18</sup>. Lebih baik lagi bagi perempuan-perempuan tersebut puasa selama tujuh hari dan setiap kali hendak berbuka puasa dibaca sebanyak 21 kali dan dihembus pada segelas air lalu diminum ketika berbuka puasa. Insya Allah akan diperkenankan Allah untuk mendapat cahaya mata yang bijak dan cerdas.<sup>19</sup>

d) Kelebihan dan Fadilat Bacaan **كَهِيْعَصَ حَمَ عَسَقَ** Dalam Pengubatan<sup>20</sup>

Huruf *muqaJa'ah* ini (كَهِيْعَصَ) dan (حَمَ عَسَقَ) merupakan gabungan ayat pertama dan kedua daripada surah *Maryam* dan surah *al-SyErE*. Menurut Ustaz Mohd Fadhil bin Ariffin, ayat pertama daripada surah Maryam mempunyai banyak khasiat dan keajaiban, dinukilkkan juga ada riwayat menyatakan bahawa SaidinÉ ‘AlÉ k.w. apabila dirundung dukacita beliau akan bersendirian sambil mengulangi membaca ayat atau huruf-huruf ini.<sup>21</sup> Sementara dalam riwayat lain iaitu melalui FÉlimah Binti ‘Ali<sup>22</sup> mengatakan bahawa ‘Ali k.w. ada berkata: يَا كَهِيْعَصَ إِغْفَلٍ , bersesuaian dengan ini ada ada yang berpendapat bahawa ayat tersebut merupakan nama Allah yang Maha Agung,

<sup>18</sup> Syed Ahmad Khan (MaulÉnÉ) (1991), *Kepentingan Masturat Edisi Tambahan Nasihat Maulana Bagi Muslimat/ Wanita*, Pakistan: t.t.p. (Amalan tersebut diisi dalam bahagian sinopsis buku sebagai doa tambahan yang berkaitan dengan alam rumah tangga).

<sup>19</sup> Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat (tuan Guru) (2007), *Indahnya NamaMu Khasiat dan Fadhilat Asma al-Husna*, cet. 1, Kuala Lumpur: Sarjana Media, h. 34.

<sup>20</sup> Lihat bab 1, h. 34.

<sup>21</sup> Mohd Fadhil bin Ariffin (2006), *Khasiat dan Fadhilat Ayat-ayat al-Quran*, cet. 4, Kota Bahru, al-Baqir Enterprise, h. 75.

<sup>22</sup> Bukan isterinya, tetapi anaknya dengan isteri yang dikahwini selepas kewafatan Saidatina FaÉlimah al-ZahrÉ.

sementara yang lain mentafsirkannya secara ceraian huruf-huruf tersebut sebagaimana yang diriwayatkan melalui beberapa sahabat seperti ‘AbdullÉh bin ‘AbbÉs, Ummu xani’, Ibn Mas‘Ed dan diriwayatkan oleh Ibn MÉjah dan diriwayat juga oleh Ibn JarÉr. Di sini penulis menggabungkan penafsiran-penafsiran tersebut secara umum dan ringkas iaitu ( ك ) memberi erti mencukupi dalam nikmat dan pembalasannya, sebagaimana firman

Allah s.w.t.

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ  
خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَسِيبَتْ (47)  
al-AnbiyÉ (21): 47

*Terjemahannya:*

*Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikitpun, sekalipun amalan itu hanya seberat biji sawi pasti kami mendatangkannya (pahala), dan cukuplah kami sebagai pembuat perhitungan.*

Manakala huruf ( ه ) pula diertikan sebagai petunjuk kepada para mukimin mengenali-Nya, sebagaimana firman Allah s.w.t.

يَمُؤْمِنُونَ عَلَيْكَ أَنَّ أَسْلَمُوا قُلْ لَا تَمُؤْنُوا عَلَى إِسْلَامِكُمْ بَلِ اللَّهُ يَمُؤْنُ عَلَيْكُمْ أَنْ هَذَا كُمْ  
لِلْأَيْمَنِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (17)  
al-xujurÉt (49): 17

*Terjemahannya:*

*Mereka rasa telah berjasa kepadamu kepadamu dengan keislaman mereka. Katakanlah: Janganlah kamu merasa telah berjasa kepadaku dengan keislamanmu. Sebenarnya Allah, (Dialah) yang melimpahkan nikmat kepadamu dengan menunjuki kamu kepada keimanan jika kamu adalah orang-orang yang benar.*

Huruf ( ي ) itu pula mengisyaratkan akan nikmat kemudahan yang datang selepas ujian kesusahan, sebagaimana firman-Nya juga:

لِيُنْفِقَ دُونَ سَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلِيُنْفِقْ مِمَّا أَتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا أَتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا (7)  
al-ÙalÉq (65): 7

*Terjemahannya:*

*Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. dan orang yang disempitkan rezkinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sesuai dengan apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan.*

Begitu juga dengan huruf ( ع ) yang menunjukkan kepada pengetahuan-Nya terhadap senario setiap hamba-Nya sama ada dalam persoalan yang tersembunyi atau terang-terangan, sedikit atau banyak, hal keadaannya dan hartanya, seperti firman-Nya:

إِنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَسَعَ كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا (20)  
ÙÉhÉ (98): 20

*Terjemahannya:*

*Sesungguhnya Tuhanmu hanyalah Allah, yang tidak ada Tuhan selain Dia. Pengetahuan-Nya meliputi segala sesuatu.*

Manakala huruf ( ص ) memberi maksud benar dalam janji-Nya,<sup>23</sup> seperti firman-Nya:

<sup>23</sup> ShihÉb al-DÊn MaÍmËd Ibn ‘Abd AllÉh al-xusainÊ al-AlËsÊ, RËh al-Ma’ÉnÊ fÊTafsËr al-QurÉn al-‘ADËm wa al-Sab’Ê al-MathËnÊ. Lihat juga oleh al-Qushairi, TafsËr al-QushairÊ

إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ (9)

Óli ‘ImrÉn (3): 9

*Terjemahannya:*  
Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji.

Manakala ayat pertama dan kedua daripada surah al-SyĒrÉ pula merupakan amalan sebagai pendinding rohani dan jasmani.<sup>24</sup>

Perbahasan mengenai ayat di atas hanyalah sebagai pendedahan serta perkongsian sedikit ilmu yang telah dibincangkan oleh sebilangan ulama dan sahabat. Namun yang jelasnya huruf-huruf tersebut merupakan antara ayat daripada beribu lagi ayat-ayat al-Quran yang pasti setiap hurufnya dan ayatnya mendatangkan ketenangan serta rahmat kepada mereka yang membaca, mendengar, menghayati, apatah lagi beramal dengannya. Sesungguhnya susunan *Íuruf-Íuruf muqāla‘ah* itu adalah merupakan lambang akan kemukjizatan al-Quran.<sup>25</sup> Sebagaimana *ÍadĒth* Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan juga oleh Muslim dan AbĒ DĒwĒd:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِّنْ بُيُوتِ اللَّهِ  
يَسْتَلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَّلْتُ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِّيَّتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمْ  
الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرُهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدُهُ<sup>26</sup>

*Terjemahannya:*

*Daripada Abu Hurairah r.a.: Bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:  
Tidaklah berkumpul sekumpulan orang di rumah-rumah Allah sedang  
mereka membaca al-Quran dan membacanya juga antara satu kepada*

<sup>24</sup> Mohd Fadhil bin Ariffin (Abu al-Baqir al-Burhami), *op. cit.*, h.75 & 144.

<sup>25</sup> Wahbah al-Zuhailî (Dr), (2003). *al-Tafsîr al-Munîr fî al-Aqâidah wa al-Syar'iyyah wa al-Manhaj*. Cet. Kedua, jld. 13, Damsyiq, DĒr al-Fikr, h. 25.

<sup>26</sup> Al-Imām Jalāluddin bin AbĒ Bakr al-SuyĒtī, *op. cit.*, no. ÍadĒth. 7776, hlm. 476. Lihat juga, Mohammed Zakariyya (Syaikh al-xadĒth), (1978). *Fadhilat Quran*, cet. 1, Pulau Pinang: H.M. Ya'qob Ansari, h. 51.

*yang lain melainkan diturunkan ketenangan ke atas mereka, rahmat meliputi mereka dan para malaikat mengelilingi mereka serta Allah menyebut-nyebut mereka kepada para malaikat.*

Sebagai peringatan dan motivasi kepada orang-orang yang beriman supaya sentiasa beramal serta menghayati akan segala ayat yang terkandung dalam al-Quran, maka melalui kitab-Nya Allah s.w.t. telah berfirman :

فِيهِ سَكِينَةٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ (248)

al-Baqarah (2) : 248

*Terjemahnya:*  
*di dalamnya terdapat ketenangan dari Tuhanmu.*

Allah s.w.t. juga ada berfiman melalui ayat lain:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ الْسَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ (4)

al-FatÍ, 48: 4

*Terjemahannya:*  
*Dialah yang telah menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang mukmin.*

Rasulullah s.a.w. juga menyarankan supaya berubat dengan al-Quran kepada mereka yang ingin berubat dan mengubat melalui sabdanya.

عن علي قال: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ الدَّوَاءِ الْقُرْآنُ.<sup>27</sup>

*Terjemahannya:*  
*Daripada AlÈ r.a. telah bersabda Rasulullah s.a.w. sebail-baik ubat ialah al-QurÉn.*

---

<sup>27</sup> AbÈ ‘Abd AllÈh MuÈammad bin YazÈd al-QazwinÈ, *op. cit*, no. ÍadÈth. 3501, kitab al-Ùibb, bab: Istishfa’ bi al-Quran, h. 531.

Jelasnya setiap ayat mahupun surah al-Quran itu semuanya mempunyai kebaikan dan keafdalan yang sama lantaran semuanya adalah kalam Allah s.w.t.,<sup>28</sup> begitu juga dalam pengubatan ia boleh menjadi penawar bagi manusia merawati segala penyakit sama ada berbentuk fizikal, lebih-lebih lagi penyakit spiritual.<sup>29</sup>

e) Kelebihan dan Fadilat Bacaan Selawat Syifa' Dalam Pengubatan<sup>30</sup>

Selawat Syifa' ini juga dikenali dengan selawat Ùibb al-QulËb dan tidak kurang juga akan keistimewaan yang akan diperolehi bagi mereka sentiasa beramal dengannya. Antara kelebihannya ialah jika dibaca selawat syifa' atau selawat Ùibb al-QulËb sebanyak tujuh kali pada air dan diminum, Insya Allah akan dapat menyembuhkan sakit perut dan lain-lain penyakit.<sup>31</sup> Malah mengikut Abdullah Al-Qari Hj. Salleh bahawa selawat al-Syifa' ini boleh menyembuhkan penyakit rohani dan jasmani yang cukup berkesan.<sup>32</sup> Walau bagaimanapun (kesembuhan yang terhasil adalah dengan berkat bertawassul menyebut selawat ke atas Nabi s.a.w.). Namun perlu ditegaskan bahawa penyembuhan sebenarnya adalah daripada Allah.

---

<sup>28</sup> Syeikh Mutawally Sya'rawi, *op. cit*, h. 473.

<sup>29</sup> Ibid, h. 407.

<sup>30</sup> Lihat bab 1, h. 34.

<sup>31</sup> Hanafi Muhamed. (1998), *99 Selawat Nabi s.a.w., Fadhilat dan Khasiatnya*, cet. 4. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 33.

<sup>32</sup> Abdullah al-Qari Hj. Salleh (1979), *Ilmu Penerang Hati dan Tenaga Pengingat*, cet. 1, Kenali Kelantan: Pustak ASA, h. 31-32.

f) Kelebihan dan Fadilat Bacaan Selawat Tafrijiyah Dalam Pengubatan<sup>33</sup>

Sebagaimana selawat syifa', begitulah dengan selawat Tafrijiyah yang juga dikenali dengan selawat NÉriyyah, juga tidak terkecuali daripada kelebihan-kelebihan tertentu. Menurut Hanafi Muhamed sesiapa yang membaca selawat ini sebanyak empat puluh satu atau seratus kali, nescaya Allah akan menghilangkan segala dukacita dan dimudahkan segala urusan hidup.<sup>34</sup> Malah beramal dengan selawat Tafrijiyah juga boleh menjauhkan bala bencana dan kemudaratan bencana tersebut, diterangkan hati, ditinggikan kedudukan, diperelokkan pekerti peribadi, dilapangkan pintu rezeki, dibukakan pintu kebaikan satu demi satu, diselamatkan daripada bencana perubahan masa, dihindarkan daripada kelaparan dan kefakiran serta bertambah kebaikan dari semua sudut.<sup>35</sup>

g) Kelebihan dan Fadilat Bacaan Empat Ayat Terakhir Surah al-*qasyr* Dalam Pengubatan<sup>36</sup>

Empat ayat ini amat besar faedahnya jika dijadikan amalan harian, fadilatnya bukan hanya berguna untuk perubatan sahaja, malah sesiapa yang membaca surah al-*qasyr* nescaya aman dia dalam urusan agama dan dunia. Begitu juga dengan sesiapa yang mempunyai sebarang hajat, hendaklah dia melakukan solat sunat empat rakaat dan dibaca setiap rakaat surah *al-FÉtiÍah* dan surah *al-*qasyr**, kemudian daripada itu pohonlah akan apa yang dihajati. *InsyÉ AllÉh* berhasillah dia. Selain itu ayat-ayat ini

---

<sup>33</sup> Lihat bab 1, h. 35.

<sup>34</sup> Hanafi Muhamed. *op. cit.*, h. 47-48.

<sup>35</sup> Abdullah al-Qari bin Hj Salleh (1997), *op. cit.*, h. 31-32.

<sup>36</sup> Lihat bab 1, h. 35.

juga digunakan untuk membakar jin dan syaitan serta sebagai pendinding daripada sebarang gangguan makhluk halus.<sup>37</sup> Manakala menurut SayyidinÉ xasan bin AlÉ r.a pula berkata bahawa beliau memberi jaminan bagi mereka yang beramal dan membaca empat ayat terakhir surah al-xasyr bukan sahaja bebas daripada kejahanan syaitan malah akan terselamat juga daripada kejahanan raja yang zalim,<sup>38</sup> bahkan setengah al-'ÉrifÉn berpendapat bahawa empat ayat akhir surah al-xasyr ini merupakan penawar atau ubat bagi setiap penyakit kecuali mati.<sup>39</sup>

#### h) Kelebihan dan Fadilat Bacaan Doa Menghindar Syaitan Dalam Pengubatan<sup>40</sup>

Doa ini sememangnya mempunyai kelebihan yang secara khususnya adalah berkaitan untuk menghalau atau menghilangkan sebarang penyakit sama ada penyakit rohani atau jasmani yang ada kaitan dengan gangguan daripada jin atau syaitan, seperti penyakit sawan yang kebiasaannya mudah berlaku kepada kanak-kanak yang berumur antara enam bulan hingga enam tahun.<sup>41</sup> Sebagaimana terdapat pada amalan Nabi s.a.w. melalui riwayat Ibn 'AbbÉs r.a. katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَوِّذُ الْخَسَنَ وَالْخَسِينَ يَقُولُ أَعِيدُكُمَا بِكَلِمَاتِ اللَّهِ  
الْتَّائِمَةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَةٍ .<sup>42</sup>

<sup>37</sup> Mohd Fadhil bin Ariffin (Abu al-Baqir al-Burhami al-Fattani) (2006), *op. cit.*, h 136.

<sup>38</sup> AbÉ al-Laith NaÎr bin MuÎammad bin AÍmad Ibn IbrÉhÉm al-SamarqandÉ, (1998/1419H). *TanbÊh al-GhÉfilÉn*, “bÉb al-D‘awÉt al-MustajÉbÉt”, c. 2. al-QÉhirah: DÉr al-ManÉr, h. 352-353.

<sup>39</sup> AbÉ Bakr bin xasan al-Wattad, (2004). *ManÉfi 'al-Qur'Én al-KarÉm*, cet. 1, Beirut: DÉr al-Kutub al-'Alamiyyah, h. 132.

<sup>40</sup> Lihat bab 1, h. 36.

<sup>41</sup> Amran Kasimin (Dr.), Dato' Haron Din (Dr), (1997). *Doa & Rawatan Penyakit (ii)*. cet. 1, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., h. 160-164.

<sup>42</sup> Ahmad bin Shu'aib Abu Abd. RahmÉn al-NasÉÊ (1991/1411H), *op.cit.*, h. 396.

*Terjemahannya:*

*Adalah Rasulullah s.a.w. melindungi Hasan dan Husain dia berkata aku melindungi kamu berdua dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada sekelian syaitan dan kecelakaan dan dari segala penyakit yang tercela.*

Manakala melalui *Íadâth* lain pula sebagaimana yang diriwayatkan Sa'îd bin Jubair daripada Ibn 'Abbâs katanya:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَوِّذُ الْحَسَنَ وَالْحُسَيْنَ فَيَقُولُ  
أُعِيدُكُمَا بِكَلِمَةِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَآمَّةٍ، ثُمَّ يَقُولُ: هَكَذَا كَانَ  
أَبِي إِبْرَاهِيمٍ عَلَيْهِ السَّلَامُ يُعَوِّذُ إِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ<sup>43</sup>

*Terjemahannya:*

*Bahawa Nabi s.a.w. (memberi) perlindungan kepada Hasan dan Husain (dengan berkata) aku lindungkan kamu berdua dengan kalimah Allah yang sempurna daripada sekelian musuh dan kecelakaan dan daripada keburukan setiap pandangan (mata) yang tercela (penyakit 'ain). Lalu bersabda (Nabi s.a.w.) beginilah ayah kami (Nabi Ibrahim a.s.) memberi (memohon) perlindungan bagi Ismail dan Ishak.*

- i) Kelebihan dan Fadilat Bacaan Lafaz Salam Ke Atas Nabi Sulaiman Dalam Pengubatan<sup>44</sup>

Antara kelebihan beramal dengan bacaan lafaz salam ke atas Nabi Sulaiman ialah untuk memohon keselamatan daripada Allah terutama apabila berada dalam situasi yang kurang selamat, seperti barada dalam hutan dan berhadapan dengan makhluk yang bahaya atau binatang buas.<sup>45</sup> Walaupun lafaz bacaan tersebut tidak terdapat dalam ayat al-Quran tetapi penulis mengandaikan kelebihan membaca atau beramal dengannya sama

<sup>43</sup> Ahmad bin Syu'aib bin 'Ali al-Nasâ'î, (1406H). 'Amal al-Yaum wa al-Lailah, cet. 2, juz. 1, Beirut: Muassasah al-Risâlah. Lihat juga dalam Ibn Majah, op. cit., no. hadis: 3525, Kitab al-Ùibb, h.534.

<sup>44</sup> Lihat bab 1, h. 36.

<sup>45</sup> ....,(1980). Pagar Hikmat Himpunan Amalan-amalan Tok Janggut, cet. 4, Ipoh: Percetakan Pustaka Muda, h. 29.

dengan beramal pada ayat-ayat ucapan salam daripada Allah ke atas nabi-nabi lain seperti nabi Nuh a.s.

j) Kelebihan dan Fadilat Doa Sulaiman Dalam Pengubatan<sup>46</sup>

Doa ini merupakan bacaan terakhir dalam kompenan bacaan Asas Sepuluh Pertama dan jika selalu diamalkan sebanyak tujuh kali selepas solat maghrib setiap hari akan terlepas dia daripada sebarang bahaya di dunia dan akhirat serta akan dimurahkan rezeki lagi diberkati Allah. Kelebihannya lagi ialah jika dibaca oleh mereka yang berada dalam lingkungan hutang akan dilunasinya, tidak dapat dibinasakan oleh jin, syaitan, binatang buas, binatang yang berbisa dan sekiranya bermusafir akan diberkati perjalanan tersebut,<sup>47</sup> juga akan terselamat daripada khianat sekelian manusia atau makhluk.<sup>48</sup>

### **3.2. Pertikaian Dalam Bacaan Asas Sepuluh Pertama Darussyifa'**

Darussifa' boleh dikatakan satu institusi besar yang terlibat secara total dalam bidang perubatan tradisional Islam (*al-Ùibb al-Islámî*), dengan bercambahnya penubuhan cawangan-cawangan, pertambahan ahli dari semasa ke semasa dan sambutan masyarakat umum yang tidak pernah surut malah semakin ramai. Suasana ini sudah tentu menjadi

---

<sup>46</sup> Lihat bab 1, h. 37.

<sup>47</sup> ..... *Pagar Hikmat Himpunan Amalan-amalan Tok Janggut*, op. cit., h. 56-57.

<sup>48</sup> Ibrahim bin Yaakub, (t.t.). *Fawâ'id al-Bahiyyah*. Macang Kelantan, hlm. 9. (Buku ini hanyalah satu risalah kecil yang menjadi amalan kepada Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Osman (Tok Sleho) iaitu Tuan Guru di sebuah pondok dalam jajahan Tumpat. Kealiman dan kehebatannya cukup terkenal di Kelantan sehingga kini).

Sepanjang perhatian penulis di Darussyifa' doa ini juga biasa dibaca oleh perawat seperti Ustaz Abdul Rashid Ahmad (antara murid awal Dato' Dr. Haron Din) kepada pesakit yang biasanya terkena gangguan makhluk halus dan setelah dikeluarkan makhluk yang mengganggu (punca kepada penyakit), dengan niat dan tujuan memagar pesakit daripada didatangi semula penyakit tersebut.

perhatian sebilangan orang sama ada yang suka atau menyokong penubuhannya lalu memberi kerjasama serta berkongsi teguran untuk membina, walaupun sedemikian Darussyifa' tidak juga sunyi daripada sinisan, sindiran serta kritikan pedas terhadap amalan serta kaedah pengubatannya.

Sebagaimana penggunaan air dalam rawatan dan menjampi serta mendoakan air tersebut yang merupakan antara kaedah pengubatan di Darussyifa' telah mengundang kritikan pedas daripada ahli agamawan malah di kalangan pemimpin negeri dan negara. Begitu juga dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk dijadikan alat untuk mengubat penyakit jasmani, sehinggalah kepada *beberapa bacaan* yang terdapat dalam amalan bacaan utama kepada perjalanan pengubatan Islam di Darusstifa' iaitu *Bacaan Asas Sepuluh Pertama* yang tidak warid atau bukan *athār* daripada Nabi s.a.w. juga tidak terlepas daripada dikritik dan dipertikaikan.

a) Pertikaian Pertama Dalam Bacaan Asas Sepuluh: Selawat Syifa'<sup>49</sup>

Muhammad bin Jamil Zaini mengemukakan pendapat selawat ini dibaca kononnya untuk memperolehi kesihatan yang baik, adalah suatu yang tidak wajar diamalkan dan jelas menyalahi dari sudut akidah apabila diperhatikan kepada kandungan ayat-ayat tersebut, kerana Allah sahaja sebenarnya yang berkuasa memberi ketenangan kepada hati, jasmani yang sihat dan cahaya pada penglihatan. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. tidak berupaya melakukan semua itu untuk umat Islam, bahkan untuk dirinya

---

<sup>49</sup> Lihat bab 1, h.

sendiri sebagaimana yang didakwa dalam selawat tersebut.<sup>50</sup> Beliau memperkuuhkan hujahnya dengan bersandarkan firman Allah s.w.t.:

قُلِّ اَدْعُوَاً اللَّذِينَ رَعَمْتُ مِنْ دُونِهِ فَلَا يَمْلِكُونَ كَشْفَ الْضُّرِّ عَنْكُمْ وَلَا تَحْوِيلًا  
(56) اُولَئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ يَتَغُوَّطُونَ إِلَى رِبِّهِمُ الْوَسِيْلَةُ أَيُّهُمْ وَيَرْجُونَ أَقْرَبُ  
رَحْمَتَهُ عَذَابُهُ وَتَحَافُوتُهُ إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ حَدُورًا (57)

Al-Isrā' (17): 56-57

*Terjemahannya:*

Katakanlah: Panggillah mereka yang kamu anggap (tuhan)<sup>51</sup> selain Allah, maka mereka tidak akan mempunyai kekuasaan untuk menghilangkan bahaya daripadamu dan tidak pula mampu mengubahkannya (56). Orang-orang yang mereka seru itu,<sup>52</sup> mereka sendiri mencari jalan kepada Tuhan siapa antara mereka yang lebih dekat (kepada Allah) dan mereka mengharap rahmat-Nya dan takut akan azab-Nya. Sesungguhnya azab Tuhanmu itu adalah suatu yang harus ditakuti.

- b) Pertikaian Kedua Dalam Bacaan Asas Sepuluh: Selawat Tafrijiyah Atau Nariyyah.<sup>53</sup>

Selawat ini juga mempunyai unsur-unsur yang menyalahi akidah sebenar umat Islam kerana dalam selawat tersebut doa dituju kepada Rasulullah s.a.w. yang dikatakan dapat memakbulkan segala permintaan, melepassi kesusahan, meleraikan simpulan kekusutan dan sebagainya. Sedangkan umat Islam dituntut supaya meyakini bahawa hanya Allah sahaja penentu segala sesuatu bukannya Rasulullah s.a.w.<sup>54</sup> dalilnya kerana Allah s.w.t. telah berfirman:

<sup>50</sup> Muhammad bin Jamil Zaini, (t.t.). *Minhāj al-Firqah al-Najiah wa al-Ùifah al-Manīrah*. Riyālah: Muraqabah al-Kutub wa al-Mālikif, h. 166.

<sup>51</sup> Maksudnya ialah apa yang dikatakan mereka Tuhan itu ialah, berhala, malaikat, jin dan sebagainya..

<sup>52</sup> Maksudnya ialah nabi Isa a.s., para malaikat dan 'Uzair yang mereka sembah itu menyeru dan mencari jalan mendekatkan diri kepada Allah.

<sup>53</sup> Lihat bab 1, h.

<sup>54</sup> Muhammad bin Jamil Zaini, *op. cit.*, h. 188.

قُل لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي تَفْعَلَا وَلَا ضَرًا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبَ  
لَا سَتَكِنْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَنِي الْسُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَشَيْرٌ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

(188)  
al-A'rEf, 7: 188

*Terjemahannya:*

Katakanlah: "Aku tidak berkuasa menarik kemanfaatan bagi diriku dan tidak (pula) menolak kemudaratan kecuali yang dikehendaki Allah. dan sekiranya aku mengetahui yang ghaib, tentulah aku membuat kebajikan sebanyak-banyaknya dan aku tidak akan ditimpah kemudaratan. Sesungguhnya aku tidak lain hanyalah pemberi peringatan, dan pembawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman".

- c) Pertikaian Ketiga Dalam Bacaan Asas Sepuluh: Doa Menghindar Syaitan, Bacaan Salam Ke Atas Nabi Sulaiman dan Doa Sulaiman.<sup>55</sup>

Selain daripada dua selawat tersebut, antaranya lagi ialah *Doa Menghindar Syaitan, Bacaan Salam Ke Atas Nabi Sulaiman dan Doa Sulaiman*. Melalui apa yang dinukilkhan oleh Zafarul Nizar bin Zan melalui disertasinya ketiga-tiga bacaan ini sememangnya tidak terdapat dalil khusus sama ada Quran atau yang datang dengan bentuk bacaan sebagaimana ia dibaca dalam susunan *Bacaan Asas Sepuluh Pertama* yang terdapat di Darussyifa'.<sup>56</sup>

- d) Pertikaian Keempat Dalam Bacaan Asas Sepuluh Pertama: بارئ يا بارئ<sup>57</sup>

يا بارئ adalah salah satu kompenan daripada *AsmÉ' al-×**usnÉ* yang juga merupakan kompenan yang terdapat dalam amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama

<sup>55</sup> Lihat bab 1, h.

<sup>56</sup> Zafarul Nizar bin Zan (2002), *op. cit.*,

<sup>57</sup> Lihat bab 1, h.

Darussyifa', tidak mustahil akan dijadikan polemik ilmiah oleh beberapa orang yang ada asas dalam bidang ilmu agama. Lantaran ia juga tidak ada dalil khusus yang menganjurkan dhikir atau beramal dengan mana-mana nama Allah secara tunggal seperti berdhikir dengan *Ism al-Mufrad* "Allah / ﷺ" semata-mata dan ia merupakan satu amalan

yang bid'ah, sebagaimana bid'ahnya dengan hanya membaca " ﴿يَا لطِيفٌ﴾" sebanyak 999

kali, malah tidak akan mendatangkan pahala dengan membacanya. Sesungguhnya dhikir yang sah hanyalah beramal dengan kalimah ﴿لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا حَمْدٌ إِلَّا لِلَّهِ﴾ atau ﴿سَبَّحَنَ اللَّهُ أَكْثَرٌ﴾ atau ﴿وَلَا قُوَّةٌ إِلَّا بِاللَّهِ﴾<sup>58</sup>

### 3.3. Merungkai Pertikaian Bacaan Asas Sepuluh Pertama Darussyifa'

Melihat kepada perbahasan di atas penulis tidak bercadang untuk membawa datang lebih banyak contoh-contoh kehujahan mempertikai amalan-amalan tersebut, kerana hasil daripada perbahasan tersebut dan natijahnya adalah sama, yang mana akhirnya hakikat pertikaian itu akan menjurus kepada amalan yang diamalkan tidak berlandaskan *Íad̄eth saÍÉí* dan bertawassul kepada Nabi s.a.w.. Sedangkan amalan bertawassul melalui **dhat, sifat, keberkatan, kemuliaan, kebesaran** Rasulullah s.a.w. adalah suatu yang **tidak dibenarkan** sama ada **semasa hidupnya**, apa lagi bertawassul kepadanya **setelah**

---

<sup>58</sup> Muhammad Ahmad Abdul Salam (2006), *xuk̄m al-Qir̄'at Li al-Amw̄eti Hal Yāilu Thaw̄buha Ilaihim*, cet. 7, Ma'mur Dawud (terj.), Jakarta: Media Dakwah, h. 11.

**kewafatannya** yang pastinya membawa kepada **kesyirikan**.<sup>59</sup> Begitu juga mengumpamakan kuasa Rasulullah s.a.w. sama dengan berkuasanya Allah, disandarkan selawat kepada *ÍadÊth Ìa'Êf jiddan* dan memberi tambahan lafaz *SayyidinÉ* ke atas selawat yang sahih dengan berdalilkan *hÉdÊth لَتُسْيِّدُنِي فِي الصَّلَاةِ* iaitu “jangan menyebut aku sayyid di dalam solat” justeru mereka berpendapat bahawa setelah kewafatannya Baginda sudah tidak miliki apa-apa keutamaan, termasuklah dengan penambahan lafaz *Sayyid* dapat menghilangkan ketauhidan terhadap Allah,<sup>60</sup> kerana penambahan lafaz tersebut dalam mana-mana selawat dan salam ke atas Rasulullah s.a.w. adalah satu amalan yang berlainan dengan ajaran Rasulullah s.a.w., termasuklah membaca selawat dan salam dengan menambah kalimah-kalimah lain yang tidak pernah disebut oleh Rasulullah melalui *ÍadÊth-ÍadÊthnya*, kerana ini semua adalah mengelirukan.<sup>61</sup> Selain daripada itu berselawat dengan menentukan bilangan, waktu atau tempat yang mana semua ini akan menyebabkan pengamalnya telah melakukan **bid‘ah munkar** (yang amat sesat) dan **syirik** lantaran telah menjauhkan sunnah Nabi s.a.w.<sup>62</sup>

Sebelum dibincang dengan lebih jauh, ingin penulis tegaskan sepanjang kajian ini dilakukan tidak pernah ada ulama dan mereka yang mengharuskan beberapa bentuk selawat yang tidak warid daripada Nabi s.a.w. menganggap kuasa Nabi s.a.w. adalah seumpama berkuasanya Allah dalam sesuatu hal, atau memiliki unsur ketuhanan. Walau

<sup>59</sup> Rasul Dahri, (1998). *Tawassul/Wasilah Istighasah & Syafa'at* (menurut al-Quran dan al-Sunnah), cet. 1, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 45-46.

<sup>60</sup> MËsÉ MuÌammad ‘Ali, (2004) *Hakikah al-TawaÙul wa al-WaÙÈlah ‘AlÉ Öau’ al-Kitab wa al-Sunnah*. Ustaz Haji Ali Haji Mohamed (terj.), Selangor: Thinker’s Library Sdn. Bhd., h. 591-592.

<sup>61</sup> Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh, (1995). *145 Keistimewaan Zikir dan Selawat*. Cet. 1, Kuala Lumpur: DËr Nu‘man, h. 67-68.

<sup>62</sup> Abdul Hakim bin Amir bin Abdat, (t.t.). *Sifat Selawat dan Salam Kepada Nabi s.a.w.* Kuala Lumpur: Pustaka Noor, h. 117-119.

setinggi dan sehebat mana cinta seseorang umat itu kepadanya,<sup>63</sup> kerana Allah telah melindungi Rasulullah s.a.w. daripada orang-orang yang akan mempertuhankannya seperti mana yang terjadi kepada pengikut nabi Isa a.s.. Meskipun Baginda s.a.w. mempunyai mukjizat dan segala yang di luar adat kebiasaan yang tidak boleh disamai oleh nabi-nabi lain.<sup>64</sup> Sesungguhnya perintah membaca selawat juga dimaksudkan agar umat mengetahui bahawa Allah tidak akan menerima amal perbuatan seseorang kecuali setelah bertawassul melalui perantaraan Baginda Nabi Muhammad s.a.w.<sup>65</sup>

Perlu juga diketahui bahawa besar atau kecilnya penghargaan kepada makhluk, tinggi atau rendah kedudukan darjatnya adalah ditentukan melalui tinggi atau rendahnya ‘ub̄diyyah kepada Allah, kerana semakin mantap ‘ub̄diyyah akan menyebabkan penghargaan menjadi lebih tinggi dan sempurna. Begitulah dengan Rasulullah s.a.w. yang merupakan manusia biasa tetapi tidak seperti manusia lain, Baginda adalah Rasul Allah tetapi tidak seperti para Rasul yang lain. Baginda merupakan hadiah rahmat bagi alam semesta sebagaiman firman Allah s.w.t.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (107)  
al-Anbiyā’(21): 107

*Terjemahannya:*

*Dan tiadalah kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.*

---

<sup>63</sup> MËsÉ MuÍammad ‘Ali, (2004), op. Cit., h. 589.

<sup>64</sup> Ibid.,

<sup>65</sup> Mahmud Samiy,(2008). *Selawat-selawat Pilihan Riwayat, Manfaat dan Keutamaannya*. Hamzah bin Raden Anwar (terj.), cet. Pertama, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication, h. 6.

Dalam masa yang sama juga Baginda adalah penyelamat bagi makhluk dengan syafa‘atnya pada hari kiamat. Sesungguhnya Baginda adalah pilihan Allah s.w.t.<sup>66</sup> Untuk itu sebagai jalan penyelesaian penulis cuba mengutarakan beberapa pandangan semoga dapat dijadikan pertimbangan:

- i. Persoalan membaca selawat atau mengarang selawat dengan kalimah yang tidak pernah disebut oleh Rasulullah s.a.w. telah ada petunjuk atau dalil di zaman Baginda s.a.w. masih hidup lagi. Sebagaimana kata Imām al-Sya’rī<sup>67</sup>: Suatu ketika, seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang berada dalam masjid, lalu Baginda s.a.w. menyambut kedatangan lelaki tersebut dengan berkata: *Salam sejahtera ke atas kamu wahai ahli kemuliaan yang tinggi dan pemurah yang disanjungi*. Lalu Baginda s.a.w. memberi tempat duduk kepadanya di antara Baginda s.a.w. dan Abū Bakr r.a. dan ini menjadikan mereka yang hadir kehairanan dengan tindakan Rasulullah s.a.w. mendahulukan lelaki tersebut. Kemudian Rasulullah s.a.w. memaklumkan bahawa Jibrīl telah memberitahu kepada aku sesungguhnya beliau (lelaki yang dihormati) telah berselawat kepadaku dengan lafaz selawat yang belum pernah diungkapkan oleh sesiapa pun sebelum beliau. Lalu bertanya Abū Bakr r.a. bagaimana bentuk lafaz selawat tersebut, maka Rasulullah s.a.w. menyebut selawat tersebut, iaitu:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ فِي الْأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ وَفِي الْمَلَأِ الْأَعْلَى إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

67

---

<sup>66</sup> Mūṣī Mu‘ammad ‘Alī, op. cit., h. 588.

<sup>67</sup> Yūsuf bin Ismā‘īl al-Nabīhīnī (t.t), *Aḥjāl al-Øolawīt ‘Alī Sayyid al-Sa‘dīt*. T.T.P., h. 62.

*Terjemahannya:*

*Ya Allah, berikan restu kepada Muhammad dan keluarga Baginda dalam kalangan golongan terawal dan golongan terkemudian serta golongan tertinggi sehingga hari kiamat.*

ii. Penambahan lafaz *SayyidinÉ* dalam pembacaan selawat adalah suatu yang tidak perlu dikeruhkan lagi, kerana di kalangan ulama yang diakui kedudukannya telah menerima penggunaan lafaz tersebut, seperti ImÉm al-RamliÉ dan ImÉm Ibn Ḫajar telah sepakat bahawa penambahan lafaz tersebut dalam selawat kepada Nabi s.a.w. sama ada dalam solat atau diluar solat, maka hukumnya adalah sunat. Begitu juga dengan Syekh ‘IzuddEn bin ‘Abd al-salÉm yang berkata bahawa pada prinsipnya, pembacaan selawat dalam tasyahud hendaklah ditambah dengan lafaz *sayyidinÉ* demi mengikut adab dan menjalankan perintah, maka hukumnya juga adalah sunat. Manakala ImÉm al-SuyŒi memberi respon bahawa Rasulullah s.a.w. tidak menambah lafaz *sayyidinÉ* ketika mengajar selawat kepada para sahabatnya, disebabkan Baginda tidak suka pada kemegahan.<sup>68</sup>

Kita sebagai umat Muhammad s.a.w. sepatutnya bertanggungjawab dan wajib menghormati serta mengagongkan Baginda s.a.w., lantaran ini adalah satu nilai budi yang telah diajar oleh Allah s.w.t. sendiri yang milarang kita menyebut Rasulullah s.a.w. dengan panggilan nama sahaja, sebagaimana firman-Nya melalui surah al-NŒr.

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَذَّابًا بَعْضُكُمْ بَعْضًا

al-NŒr, 24: 63

---

<sup>68</sup> MahmŒd Samiy, *op. cit*, h. 3-4.

*Terjemahannya:*

*Janganlah kamu jadikan panggilan Rasul di antara kamu seperti panggilan sebahagian kamu kepada sebahagian (yang lain).*

Melalui penulisan ini juga penulis mengetengahkan pandangan Musa Muhammad Ali yang berhujah berdasarkan pegangan dan pandangan beberapa ulama muktabar:

iii. Musa Muhammad juga ada menaqalkan pandangan, al-‘Ajlin<sup>69</sup> dan Sayyid al-War<sup>69</sup> bahawa lafaz لَسْيَدُونَى فِي الصَّلَاةِ merupakan pembohongan yang dikeluarkan oleh para pendusta, kerana pada lafaz sebenarnya adalah لَتْسُونُوْنَى فِي الصَّلَاةِ . Sesungguhnya telah berlaku penukaran huruf ( و ) kepada huruf ( ي ) adalah kerana kejahanan mereka. Oleh itu dari sudut tata bahasa ia adalah suatu yang kurang tepat.

iv. Beliau juga menaqalkan pandangan al-Sakhawi adapun *Íad<sup>69</sup>Eth* tersebut adalah perkataan yang dibuat-buat dan tidak termasuk dalam *Íad<sup>69</sup>Eth* serta bukan datang daripada ucapan Rasulullah s.a.w.

v. Malah para *muÍadd<sup>69</sup>Eth* dan *ÍuffaD* yang biasa meriwayatkan dan berilmu tidak menyatakan tentang benarnya perkataan *Íad<sup>69</sup>Eth* yang menolak *siy<sup>69</sup>Edah* kepada Rasulullah s.a.w.. Malah semuanya berpendapat perkataan tersebut tidak memiliki dasar dan bukan daripada sunnah yang mulia sama sekali.<sup>69</sup>

---

<sup>69</sup> MËsÉ MuÍammad ‘Ali, *op. cit*, h. 592-593.

vi. Dalam satu *ÍadÉth* yang bertaraf *Íasan saÍÉÍ* mengikut periwatan ImÉm AlÍmad, Ibn MÉjah dan al-Tirmidhi yang telah dikemukakan oleh Úaha ‘Abd AllÉh yang jelas ada kalimah sayyid dan ia adalah pengakuan serta penegasan daripada Rasulullah s.a.w. sendiri, sebagaimana sabdanya:

عَنْ أَيِّ سَعِيدٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا  
فَخْرٌ وَبِيَدِي لِوَاءُ الْحَمْدِ وَلَا فَخْرٌ وَمَا مِنْ نَبِيٍّ يَوْمَئِذٍ آدَمَ فَمَنْ سِوَاهُ إِلَّا تَحْتَ لِوَائِي وَأَنَا أَوَّلُ  
مَنْ تَنْشَقُ عَنْهُ الْأَرْضُ وَأَنَا وَأَوَّلُ شَافِعٍ وَأَوَّلُ مُشَفِعٍ.<sup>70</sup>

*Terjemahannya:*

*Aku adalah penghulu sekalian anak Adam di hari kiamat tetapi (perkhabaran ini) bukanlah untuk bermegah, dan di tangan akulah panji-panji kepujian dan (perkhabaran ini) bukan untuk sombang, dan tidak ada seorang nabi pun pada hari tersebut baik Nabi Adam dan nabi-nabi selainnya melainkan semuanya (berada) di bawah panjiku, dan aku orang yang pertama yang kerananya bumi menjadi terbelah dan yang pertama memberi syafaat dan diterima syafaat.*

vii. Al-GhumÉri membahas persoalan ini dalam konsep *SulÉk al-Adab* melalui jalan uÎul dalam mengharuskan *siyÉdah* apabila mengucap selawat ke atas Nabi s.a.w..<sup>71</sup> Beliau berhujah melalui *ÍadÉth* yang diriwayatkan oleh Sahl bin Sa‘d:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَهَبَ  
إِلَى نَبِيِّ عَمْرُو بْنِ عَوْفٍ لِيُصْلِحَ بَيْنَهُمْ وَحَانَتِ الصَّلَاةُ ، فَجَاءَ الْمُؤْذِنُ إِلَى أَيِّ بَكْرٍ رَضِيَ  
اللَّهُ عَنْهُ ، فَقَالَ : أَتُؤْصِلُ لِلنَّاسِ فَاقِيمٌ ؟ فَقَالَ : نَعَمْ ، فَصَلَّى أَبُو بَكْرٍ ، فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالنَّاسُ فِي الصَّلَاةِ ، فَتَخَلَّصَ حَتَّى وَقَفَ فِي الصَّفَّ ، فَصَقَقَ النَّاسُ ،

<sup>70</sup> Úaha ‘Abdullah al-‘AfÈfÈ, *op. cit*, h. 6. dikeluarkan Abi Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *op. cit*, “Kitab al-Zuhd” bab: dhikr al-SyafÉah no. *ÍadÉth*. 4308, h. 654. lihat juga oleh ImÉm JalÉluddÈn bin AbÈBakr al-SuyÈIÈ, *op. cit*, juz. 1, no. *ÍadÉth*. 6293, h. 161.

<sup>71</sup> ‘Abd AllÉh bin al-ØiddÈq al-GhumÉrÈ al-×asanÈ (1986), *ItqÉn al-Øan ‘ah fÈ TaÍqÈq Ma ‘nÈ al-Bid‘ah*, Beirut: ‘Alim al-Kutub, h. 52-53.

قَالَ : وَكَانَ أَبُو بَكْرٍ لَا يَلْتَفِتُ فِي صَلَاتِهِ ، فَلَمَّا أَكْثَرَ النَّاسُ التَّصْفِيقَ الْتَّقَتَ ، فَرَأَى  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَأَشَارَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ أَكْثَرَ  
مَكَانَكُ ، فَرَفَعَ أَبُو بَكْرٍ يَدَيْهِ فَحَمِدَ اللَّهَ عَلَى مَا أَمَرَهُ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
مِنْ ذَلِكَ ، ثُمَّ اسْتَأْخَرَ أَبُو بَكْرٍ وَتَقَدَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَلَّى بِالنَّاسِ ،  
فَلَمَّا انْصَرَفَ ، قَالَ : يَا أَبَا بَكْرٍ ، مَا مَنَعَكَ أَنْ تَثْبِتَ إِذْ أَمْرَتُكَ ؟ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ : مَا  
كَانَ لَابْنِ أَبِي قُحَافَةَ أَنْ يُصَلِّي بَيْنَ يَدَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ  
صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا لِي أَرَكُمْ أَكْثَرُكُمُ التَّصْفِيقَ ، فَمَنْ تَابَ شَيْءٌ فِي صَلَاتِهِ فَلَيُسَبِّحَ ،  
فَإِنَّهُ إِذَا سَبَّحَ التُّفِيفَ إِلَيْهِ ، وَإِنَّمَا التَّصْفِيقُ لِلنِّسَاءِ .<sup>72</sup>

*Terjemahannya:*

Bahawa Nabi s.a.w. pergi kepada Bani Amru bin ‘Auf untuk mendamaikan antara mereka, tatkala itu tiba waktu solat maka datanglah muadhin kepada Abu Bakar r.a. dan berkata (bertanya) adakah kamu mahu menjadi imam solat untuk orang ramai?. Ya! (kata Abu Bakar), lalu dia solat. Setelah itu datang Rasulullah s.a.w. bersama orang ramai yang sedang bersolat itu dan Baginda lalu di celah-celah orang ramai itu hingga berdiri dalam satu saf. Lalu di kalangan orang yang itu menepuk tangan (apabila menyedari kehadiran Rasulullah s.a.w.) sehingga Abu Bakar berpaling dan terpandang akan Nabi s.a.w., dan Rasulullah s.a.w. memberi isyarat kepadanya (Abu Bakar) supaya terus kekal di tempat berdirinya (menjadi imam), lalu Abu Bakar mengangkat tangan serta memuji Allah (bersyukur) kerana suruhan (pengiktirafan dan penghormatan) Rasulullah s.a.w. itu. Kemudian daripada itu beliau undur ke belakang sehingga berada sama dalam saf (orang ramai itu) dan Rasulullah s.a.w. terus ke hadapan lalu solat (menjadi imam solat tersebut). Setelah solat selesai, maka Rasulullah s.a.w. bertanya. Wahai Abu Bakar apa yang menegah kamu daripada terus kekal (di tempat imam) tatkala akau memerintahkan kamu?. Maka berkata AbÉ Bakr: Adalah tidak wajar bagi anak Abi Quhafah<sup>73</sup> untuk bersolat (menjadi imam) di hadapan Rasulullah s.a.w. Maka sabda Rasulullah s.a.w. (kepada jemaah) mengapa tadi kamu banyak bertepuk tangan? Sesiapa yang rasa ada apa-apa ketika solat maka hendaklah dia tasbih, kerana apabila dia tasbih maka orang akan menoleh kepadanya dan isyarat dengan tepuk tangan adalah untuk wanita.

<sup>72</sup> AbÉ ‘Abd AllÉh MuÍammad bin IsmÉEl (1987/1407), *op. cit*, bÉb al-AdhÉn, no. ÍadÉth. 387, h. 218.

<sup>73</sup> Bahasa yang diguna oleh AbÉ Bakr untuk dirinya dan ini melambang ketinggian peribadinya.

Melalui *Íadâth* lain sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abî IsÍEq melalui al-BarrÉ' bin 'Ózib:

عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ قَالَ سَمِعْتُ الْبَرَاءَ بْنَ عَازِبٍ يَقُولُ كَتَبَ عَلَى بْنِ أَبِي طَالِبٍ الصُّلْحُ بَيْنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبَيْنَ الْمُشْرِكِينَ يَوْمَ الْحَدِيبِيَّةِ فَكَتَبَ هَذَا مَا كَاتَبَ عَلَيْهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ فَقَالُوا لَا تَكْتُبْ رَسُولُ اللَّهِ فَلَوْ نَعَمْ أَنَّكَ رَسُولُ اللَّهِ لَمْ نُقَاتِلُكَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعَلِيٍّ امْحُمَّدٍ فَقَالَ مَا أَنَا بِالَّذِي أَمْحَاهُ فَمَحَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ قَالَ وَكَانَ فِيمَا اشْتَرَطُوا أَنْ يَدْخُلُوا مَكَّةَ فَيُقِيمُوا بِهَا ثَلَاثَةَ وَلَا يَدْخُلُهَا بِسَلَاحٍ إِلَّا حُلْبَانَ السَّلَاحِ فُلِثْ لَأْبِي إِسْحَاقَ وَمَا جُلْبَانُ السَّلَاحِ قَالَ الْقِرَابُ وَمَا فِيهِ.

74

*Terjemahannya:*

Daripada AbÊ IsÍEq r.a. katanya aku dengar al-BarrÉ' bin 'Ózib, dia berkata: 'AlÊ bin AbÊ ÙÉlib menuliskan surat perjanjian damai antara Nabi s.a.w. dengan orang-orang mushrikin Mekah ketika perjanjian damai ×udaibiyyah hendak ditanda tangani, maka 'AlÊ r.a. menulis "inilah perjanjian yang ditulis oleh Muhammad Rasulullah" lalu orang-orang mushrik berkata (menegah) jangan engkau tulis "Rasulullah". Jika kami tahu bahawa engkau ini Rasulullah, tentu kami tidak akan memerangi engkau. Lalu Rasulullah s.a.w. menyuruh Ali k.w. memadamkannya. Lantas dijawab oleh Ali: Tidaklah sekali-kali aku akan memadamkannya,<sup>75</sup> lalu Rasulullah s.a.w. sendiri memadamkannya dengan tangannya. Kata al-BarrÉ' bahawa isi perjanjian itu antara lain menetapkan bahawa kaum muslimin boleh masuk dan tinggal di Kota Mekah selama tiga hari, tidak boleh membawa senjata kecuali dalam sarungnya.

Kalau diperhati secara zahirnya, kedua peristiwa di atas jelas memperlihatkan bahawa kedua sahabat besar tersebut langsung tidak mengendahkan arahan Nabi s.a.w.. Bukannya mereka tidak sedar bahawa setiap tindakan Rasulullah s.a.w. adalah dibayangi maksum dan tuntunan daripada Allah s.w.t.. Namun dalam persoalan penghormatan, memuliakan, cinta dan sayangnya kepada Rasulullah s.a.w. mereka mengambil jalan

<sup>74</sup> Muhammad bin FutuÍ al-xumaidÊ (2002/1423H), *al-Jam'u Bain al-ØaÍÉlainÊ al-BukhÉrÊ Wa Muslim*, J. 1, Mutafaqun 'Alaih Min Musnad al-BarrÉ' bin 'Ózib r.a., Lubnan/ Beirut: DÉr al-Nashr/ DÉr Ibn xazm, h. 326.

<sup>75</sup> Penggunaan bahasa yang cukup tegas untuk tidak menunaikan arahan Rasulullah s.a.w.

sendiri yang pada hakikatnya tindakan tersebut adalah paling wajar dan paling beradab sebagai seorang umat terhadap seorang utusan Allah yang diutuskan kepada mereka.

Sebenarnya tindakan yang diambil oleh Rasulullah s.a.w. dalam peristiwa *ØulÍ al-Ùudaibiyyah* adalah tindakan yang tidak disenangi para sahabat, lebih-lebih lagi AbË Bakr al-ØiddËq dan ‘Umar al-KhaÏlab (keredhaan Allah ke atas mereka semua).<sup>76</sup>

viii. Untuk melihat Selawat Syifa’ dan Selawat Tafrijiyah dalam bentuk *ÍadËth* yang *saÍÉÍ* sememangnya tidak terdapat dalil yang jelas daripada *ÍadËth*. Namun di sisi ulama tasawwuf tidak menjadi kesalahan dalam mengucap selawat yang berbagai bentuk seperti yang ada sekarang, asalkan maksudnya sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang rasul Allah dan tidak ada unsur-unsur yang bersalahan dengan ajaran dan prinsip syarak.<sup>77</sup> Mereka juga berhujah berdalikan firman Allah s.w.t. iaitu.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْنَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا (56)

al-AÍzËb (33): 56

*Terjemahannya:*

*Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikatNya berselawat ke atas nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atas nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.*

<sup>76</sup> Abdullah al-Qari bin Haji Sallah, (1985). *Muhammad Rasulullah Makhluk Pilihan Dan Rasul Contoh*, Kelantan, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., h. 230-235.

<sup>77</sup> Ismail Mahmood (Dr). Temubual pada 9 Januari 2010. (jam 5.00 petang). (Beliau adalah bekas pensyarah di Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Adalah kalimah ﷺ yang terdapat dalam ayat merupakan lafaz umum

dalam bentuk suruhan (berselawat ke atas Rasulullah s.a.w). Namun ia tidaklah menunjukkan kepada pentaksisan hanya kepada bentuk-bentuk selawat tertentu sahaja, kerana ada di kalangan ulama muktabar mengarang selawat tertentu untuk dijadikan amalan di sisi mereka. Walau bagaimanapun Rasulullah s.a.w. ada memberi beberapa bentuk selawat sebagai contoh,<sup>78</sup>

ix. Begitu juga dalam membaca atau beramal dengan selawat Syifa' yang mana kandungannya menyandarkan sifat *al-Ùibb* kepada Rasulullah s.a.w. yang sememangnya ia adalah kepunyaan Allah s.w.t. secara mutlak. Walau bagaimanapun haruslah difahami bahawa perkongsian sifat mutlak Allah dengan para hamba-Nya tidaklah melambangkan bahawa hamba tersebut mempunyai hak mutlak semutlak hak Allah dalam hal sifat tersebut, Cuma sekadar meneladani sifat Allah s.w.t. sehingga mencapai puncak yang tertinggi dengan melebihi kebanyakan manusia biasa sehingga mendekati sifat Allah.<sup>79</sup> Sebagai petunjuk-Nya Allah s.w.t. berfirman:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ  
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ (128) فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ (129)

al-Taubah (9): 128-129

<sup>78</sup> Manan Mohammad (Dr.). Temubual pada 2 Mei 2011, hari Isnin, jam 2.00 hingga 5.00 petang. (Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Unisza Terengganu. Beliau juga merupakan wakil talqin ÙarÈqah QÉdiriyah Naqshbandiyyah Pondok Pesantren Suryalaya, Indonesia di Terengganu).

<sup>79</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim (1999), *op. cit.* jld 4, h. 3185-3186.

*Terjemahannya:*

*Sungguh Telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin. Jika mereka berpaling (dari keimanan), maka katakanlah: "Cukuplah Allah bagiku; tidak ada Tuhan selain Dia. hanya kepadaNya Aku bertawakkal dan Dia adalah Tuhan yang memiliki 'Arasy yang agung".*

Kalau diperhati pada firman Allah tersebut dengan jelas Allah meletakkan tiga sifat yang dimilikiNya secara mutlak ke seorang hamba-Nya yang juga adalah manusia biasa iaitu *al-'Az̄âz*, *al-Ghafîr* dan *al-RaÍâm*. Ini adalah sekadar kemuliaan, mengagogkan serta pengiktirafan yang dianugerahkan ke atas hamba-Nya yang melebihi darjat para hamba-Nya yang lain.<sup>80</sup> Justeru, kalau hendak dikatakan menyandarkan sifat *al-Üibb* kepada Rasulullah s.a.w. itu salah, maka bagaimana pula keadaannya dengan Allah menyandarkan tiga sifat Agung-Nya kepada Rasulullah s.a.w.<sup>81</sup> Namun begitu yang paling penting perlu diketahui bahawa tidaklah semuanya sifat dan asma' Allah itu boleh dikongsi dengan mana-mana makhluk-Nya seperti nama *Allah*, kerana walaupun bacaan selawat itu buat Nabi s.a.w. tetapi qasad pengabdian, beribadah tetap hanya untuk Allah.<sup>82</sup> Malah ia hanyalah satu bentuk perlakuan ibadah kepada Allah s.w.t. yang berunsur qauli.

Melalui ayat yang lain Allah s.w.t. berfirman.

وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ (52)

al-Shârî' (42): 52

<sup>80</sup> Jalâluddîn bin Muâmmad bin Aîmad al-Mâîlî, Jalâluddîn bin 'Abd al-Râîm bin Abi Bakr al-Suyîî, (1991), *Tafsîr al-Qur'ân al-'Adîm li Imâmain al-Jalâlîn*, Beirut, Dar al-Fikri, h. 150.

<sup>81</sup> Ismail Mahmood (Dr.), Temubual pada 30 Mei 2009. (jam 10.30 mlm). (semasa temubual beliau masih lagi bertugas sebagai seorang pensyarah di Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia).

<sup>82</sup> Ibid..

*Terjemahannya:..*

*Dan Sesungguhnya kamu benar-benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus.*

Firman Allah s.w.t. lagi.

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ (56)

al-Qaâf (28): 56

*Terjemahannya:*

*Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang yang kamu kasih, tetapi Allah memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya dan Allah lebih mengetahui orang-orang yang mau menerima petunjuk.*

Kalau dilihat kepada dua ayat di atas semacam ada pertentangan mengenai memberi petunjuk, tetapi yang pastinya di sana menunjukkan ada unsur “majaz” iaitu disandarkan pemberi petunjuk kepada makhluk (Nabi Muhammad s.a.w.) dan ada unsur “hakikat” iaitu disandarkan sesuatu itu secara langsung kepada Allah

Malah dari sudut ilmu “*uÎËl al-dÊn*” adalah tidak menjadi kesalahan menyandarkan “*sabab*” kepada “*musabbab*” asalkan ia tidak memberi kesan dari sudut kerosakan aqidah,<sup>83</sup> sebagai contoh firman Allah s.w.t.

قُلْ يَتَوَفَّنِكُمْ مَلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِلَّ بِكُمْ ثُمَّ إِلَى رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ (11)

al-Sajdah (32): 11

*Terjemahannya:*

*Katakanlah: "Malaikat maut yang diserahi untuk (mencabut nyawa)mu akan mematikanmu, kemudian hanya kepada Tuhanmulah kamu akan dikembalikan."*

<sup>83</sup> Ismail Bin Mahmood (Dr), Temubual pada 9 Januari 2010. (jam 5.00 petang)

Persoalannya Allah sendiri menyatakan bahawa yang mematikan manusia adalah ‘Izrail (*malik al-maut*). Namun pada hakikatnya apakah benar begitu, sedangkan melalui ayat yang lain pula Allah s.w.t. menegaskan hanya Dia yang mematikan, seperti mana firman-Nya.

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّنُكُمْ (70).....

al-NaÍl, 16: 70

*Terjemahannya:*

*Allah menciptakan kamu, kemudian Dia juga mewafatkan kamu.*

Begitu juga dalam ayat-Nya yang lain Allah s.w.t. menyatakan Nabi Daud yang membunuh (mematikan) Jalut, sebagaimana firman Allah s.w.t..

فَهَزَمُوهُمْ بِإِذْنِ اللَّهِ وَقَتَلَ دَاوُدُ جَالُوتَ (251).....

al-Baqarah, 2: 251

*Terjemahannya:*

*Mereka (tentara Úalut) mengalahkan tentara Jalut dengan izin Allah dan (dalam peperangan itu) Daud membunuh Jalut.*

Sedangkan dalam ayat yang lain pula Allah telah menegaskan bahawa Dia sendirilah yang mematikan atau mampu melakukan segalanya dan firman-Nya.

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَكُنَّ اللَّهَ فَقَتَلَهُمْ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكُنَّ اللَّهَ رَمَى (17) .....

al-AnfÁl, 8: 17

*Terjemahannya:*

*Maka (yang sebenarnya) bukan kamu yang membunuh mereka, akan kamu melempar, tetapi Allah-lah yang melempar.*

Harus juga difahami bahawa menyandarkan antara sifat-sifat mutlak Allah kepada pada manusia atau makhluk-Nya, tidaklah boleh hendak dihukum sudah rosak akidahnya kerana pada hakikatnya adalah tidak sama dari sudut pemilikan, penguasaan dan

kesempurnaannya.<sup>84</sup> Sebagai contoh sifat *wuj̄d*, membuktikan bahawa pada zahirnya manusia dan Allah sama-sama wujud, tetapi wujud Allah tidak tersentuh dengan permulaan dan pengakhiran, kerana sifat tersebut merupakan hak milik mutlak Allah. Sedangkan *wuj̄d* manusia ada permulaannya dan pasti akan disudahi dengan pengakhirannya, kerana wujud manusia tidak *baq̄a*.<sup>85</sup>

Kalau dilihat kepada pendekatan ayat-ayat Allah di atas ia memberi kefahaman kepada kita tentang kedudukan Selawat Syifa' yang mana ia juga tidak terkeluar daripada unsur “*maj̄iz*” dan unsur “*hakikat*” iaitu yang menyembuhkan penyakit secara mutlaknya adalah Allah s.w.t. dan ianya (kesembuhan) akan terhasil melalui keberkatan selawat kepada kekasih-Nya Nabi Muhammad s.a.w.

Jika hendak dihukum berselawat dengan mana-mana selawat yang sighahnya tidak dilafaz oleh Rasulullah s.a.w. adalah bid'ah dan haram, bagaimana pula hendak dihukum dengan beberapa ulama muktabar yang diakui kealimannya dan telah beramal dengan selawat masing-masing. Melalui disertasi ini penulis akan bentangkan beberapa ulama dahulu dan kini beserta dengan selawat mereka masing-masing, seperti:

i. xassan al-Bāīri

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَأَوْلَادِهِ وَأَرْوَاحِهِ وَذُرِّيَّتِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ  
وَاصْفَارِهِ وَانْصَارِهِ وَأشْبَاعِهِ وَمُحَبِّيهِ وَأَمْتَهِ وَعَلَيْنَا مَعْهُمْ أَجْمَعِينَ يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.<sup>86</sup>

<sup>84</sup> Manan Mohammad (Dr). Temubual pada 2 Mei 2011.

<sup>85</sup> Abdul Aziz bin Ismail al-Fatani (1994), *op. cit.*, h. 14-16.

<sup>86</sup> Al-QEÌÈ Abu al-Faìl 'IyyÈI al-YaâlabÈ (t.t), *al-ShifÈ Ta'rÈf x uqÈq al-MuâjafÈ*. Beirut,

ii. Imam ShÉfiÊ

صَلَّى اللَّهُ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ كُلَّمَا ذَكَرَهُ الْذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُونَ<sup>87</sup>

iii. ImÉm al-NawawÊ

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيِّ اللَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَيْرَةِ اللَّهِ  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَيْرَ خَلْقِ اللَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَيْبَ اللَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَانَذِيرُ  
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا بَشِيرُ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا طُهْرُ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا طَاهِرُ السَّلَامُ  
عَلَيْكَ يَا نَبِيِّ الرَّحْمَةِ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَبَا الْقَاسِمِ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدَ الْمُرْسَلِينَ وَخَاتَمِ النَّبِيِّنَ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَيْرَ  
الْخَلَائِقِ أَجْمَعِينَ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا قَائِدَ الْعَرَقِ الْمُحَاجِلِينَ السَّلَامُ عَلَيْكَ وَعَلَى آلِكَ  
وَأَهْلِ بَيْتِكَ وَأَرْوَاحِكَ وَدُرْسَيْتَكَ وَأَصْحَابِكَ أَجْمَعِينَ السَّلَامُ عَلَيْكَ وَعَلَى سَائِرِ  
الْأَئْيَاءِ وَجَمِيعِ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ جَزَاكَ اللَّهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَنَّا أَفْضَلَ مَا جَرَى نَيَّا  
وَرَسُولاً عَنْ أُمَّتِهِ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْكَ كُلَّمَا ذَكَرَكَ ذَاكِرٌ وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِكَ غَافِلٌ أَفْضَلَ  
وَأَكْمَلَ وَأَطْيَبَ مَا صَلَّى عَلَى أَحَدٍ مِنَ الْخَلْقِ أَجْمَعِينَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّكَ عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَخَيْرُتُهُ مِنْ خَلْقِهِ وَأَشْهُدُ أَنَّكَ قَدْ  
بَلَّغْتَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّيْتَ الْأَمَانَةَ وَنَصَحْتَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدْتَ فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ . اللَّهُمَّ  
وَأَتَهُ الْوَسِيلَةَ وَالْقَضِيلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَاماً حَمْمُوداً الَّذِي وَعَدْتَهُ وَأَتَهُ بِهَا يَةَ مَا يَتَبَغِي أَنْ  
يَسْأَلَهُ السَّائِلُونَ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأَمْمَى وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ  
وَأَرْوَاحِهِ وَدُرْسَيْهِ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَتَارُكَ عَلَى مُحَمَّدِ النَّبِيِّ  
الْأَمْمَى وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ وَأَرْوَاحِهِ وَدُرْسَيْهِ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ<sup>88</sup>

iv. Sayyid AÍmad Bin IdrÉs

DÉr al-Kutub, h. 73.

<sup>87</sup> YÉsuf bin IsmÉ‘El al-NabhéNÉ (t.t), AfÍal al-ØolawÉt ‘AlÉ Sayyid al-Sa‘EdÉt . t.t.p., h. 62.

<sup>88</sup> Ibid., h. 114-115.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِنُورِ وَجْهِ اللَّهِ الْعَظِيمِ الَّذِي مَلَأَ أَرْكَانَ عَرْشِ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَقَامَتْ  
بِهِ عَوَامِ اللَّهِ الْعَظِيمِ أَنْ تُصَلِّيَ عَلَىٰ مَوْلَانَا مُحَمَّدِ ذِي الْقَدْرِ الْعَظِيمِ وَعَلَىٰ آلِ نَبِيِّ  
اللَّهِ الْعَظِيمِ بِقُدْرٍ عَظِيمَةِ اللَّهِ الْعَظِيمِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَمًا فِي عِلْمِ اللَّهِ  
الْعَظِيمِ صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِ اللَّهِ الْعَظِيمِ تَعْظِيماً لِحَقِّكَ يَا مَوْلَانَا يَا مُحَمَّدُ يَا ذَا  
الخُلُقِ الْعَظِيمِ وَسَلَمٌ عَلَيْهِ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ مِثْلَ ذَلِكَ وَاجْعُنْ بَيْنِهِ كَمَا جَمَعْتَ بَيْنِ  
الرُّوحِ وَالنَّفْسِ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا يَقْظَةً وَمَنَامًا وَاجْعَلْنَاهُ يَا رَبِّ رُوحًا لِذَاتِ مِنْ جَمِيعِ  
الْوُجُوهِ فِي الدُّنْيَا قَبْلَ الْآخِرَةِ يَا عَظِيمُ<sup>89</sup>

#### v. ÁÍmad Umar Hasyim

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً جَلَالِ وَسَلِّمْ سَلَامَ جَمَالِ عَلَىٰ حَضْرَةِ حَبِيبِكَ يَا سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ  
وَاعْشِهِ اللَّهُمَّ بِنُورِكَ كَمَا عَشَيْتُهُ سَحَابَةَ التَّجَلِيلَاتِ فَنَظَرَ إِلَىٰ وَجْهِكَ الْكَرِيمِ  
وَبِحَقِيقَةِ الْحَقَائِقِ كُلَّمَ مَوْلَاهُ الْعَظِيمِ الَّذِي أَعَادَهُ مِنْ كُلِّ سُوءِ اللَّهُمَّ فَرِّجْ كُلُّ  
كَمَا وَعَدْتَ: أَمَّنْ يُحِبُّ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيُكْشِفُ السُّوءَ وَعَلَىٰ أَهْلِ  
وَصَحْبِهِ آمِينَ<sup>90</sup>

- x. Apabila ada pandangan yang mengatakan bahawa bertawassul kepada Rasulullah s.a.w. adalah satu kesyirikan kerana selepas kewafatan sudah hilanglah keutamaannya di sisi Allah. Sesungguhnya ini adalah satu persoalan yang perlu diteliti dengan sewajarnya, kerana para nabi dan rasul adalah mereka itu hidup di alam kubur mereka, malah dikurniakan rezeki yang melimpah ruah. Sebagaimana firman Allah s.w.t.:

---

<sup>89</sup> Ismail Mahmood (Dr) (2010), *Muntahá al-Gháyá Fí Jawámi'I al-Adzákér Wa al-Dá'awá Min al-Áídáth Wa al-Ótháth*. Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 30-31. Lihat juga dalam Ahmad bin Muhammad Said bin Jamaluddin (t.t.), *Aurád al-Úaráqah al-Áímadiyyah Dan Kelebihannya Dan Tuáfah al-Ikhwáñ*, t.pet, h. 11-17.

<sup>90</sup> ÁÍmad Umar Hasyim (Prof) (t.t), *al-Ná'ir al-MuÍammadiyy.*, terj. Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, hlm. 14.

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلِكُنْ لَا تَشْعُرُونَ (154)

al-Baqarah, 2: 154

*Terjemahannya:*

*Dan janganlah kamu mengatakan terhadap orang-orang yang gugur di jalan Allah, (bahwa mereka itu) mati; bahkan (sebenarnya) mereka itu hidup<sup>91</sup> tetapi kamu tidak menyadarinya.*

Dalil seterusnya dapat juga dinilai melalui firman Allah:

وَلَا تَحْسِبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ (169)

Óli ‘ImrÉn (3): 169

*Terjemahannya:*

*Janganlah kamu mengira bahwa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati; bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.*

Sekiranya mereka yang gugur dalam perjuangan menegakkan agama Allah sudah dijamin hidup dan tidak mati di sisi Allah, maka tidak syak lagi akan hidupnya para nabi dan rasul lantaran kesungguhan atau jihad mereka dalam mendaulah *kalimatilLah* adalah lebih banyak, begitu juga dengan kedudukan mereka di sisi Allah jauh lebih tinggi dan afdal dan jika hendak dibuat perbandingan dengan syuhada.<sup>92</sup>

Dalam berhujah akan hidupnya Rasulullah s.a.w. di sisi Allah, maka ‘Abd AllÉh bin MuÍammad bin al-ØiddÉq al-HasanÉ telah memetik pandangan Al-SakhawÉ di dalam *al-Qaul al-BadÉ*<sup>93</sup> bahawa telah ijmak akan hidupnya Rasulullah s.a.w serta mendapat rezeki dia di alam kuburnya dan tidak sekali-kali jasadnya akan dimakan oleh

<sup>91</sup> Iaitu hidup dalam alam yang lain yang bukan alam kita ini, di mana mereka mendapat kenikmatan-kenikmatan di sisi Allah, dan hanya Allah sajalah yang mengetahui bagaimana keadaan hidup itu.

<sup>92</sup> ‘Abd AllÉh bin MuÍammad bin al-ØiddÉq al-HasanÉ, (1984). *ItÍÉf al-AzkiyÉ’ bi JawÉz al-Tawassul bi al-AnbiyÉ’ wa al-AuliyyÉ’,* Beirut: ‘Alim al-Kutub, h. 15-16.

<sup>93</sup> Nama kepada buku/kitab

tanah. Justeru mana-mana umatnya yang berselawat atau mengucap salam kepadanya sama ada di siang hari atau malam akan mendapat faedah daripadanya.<sup>94</sup> Melalui sebuah *ÍadÉth* yang diriwayat oleh Ibn MÉjah melalui AbÊ DardÉ' bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَكْثُرُوا الصَّلَاةَ عَلَيَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ، فَإِنَّهُ مَشْهُودٌ تَشْهُدُ الْمَلَائِكَةُ ، وَإِنَّ أَحَدًا لَنْ يُصَلِّي عَلَيَّ إِلَّا عُرِضَتْ عَلَيَّ صَلَاةُ هَذِي يَوْمٍ مِنْهَا . قَالَ : قُلْتُ : وَبَعْدَ الْمَوْتِ ؟ قَالَ : وَبَعْدَ الْمَوْتِ ، إِنَّ اللَّهَ حَرَمَ عَلَى الْأَرْضِ أَنْ تَأْكُلَ أَجْسَادَ الْأَنْبِيَاءِ ، فَنَبِيُّ اللَّهِ حَيٌّ يُرْزَقُ .<sup>95</sup>

*Terjemahnya:*

..... Setiap orang yang berselawat kepada ku akan disampaikan kepadaku selawatnya sehingga dia selesai mengucapkannya, Aku pun bertanya: Meskipun setelah engkau wafat? Lantas Baginda s.a.w. menjawab: Sesungguhnya Allah mengharamkan tanah memakan jasad para nabi.

Sebagaimana dalam peristiwa al-IsrÉ' bahawa Nabi s.a.w. memberitakan bahawa beliau melihat Nabi Musa a.s berdiri dan bersembahyang di atas kuburnya dan begitu juga di kalangan nabi-nabi lain yang mana mereka juga bersolat sebagaimana Nabi Musa dan *ÍadÉth* mengenai ini adalah *mutawÉtir*,<sup>96</sup> sebagaimana yang diriwayatkan Abu Hurairah r.a.

وَقَدْ رَأَيْتُنِي فِي جَمَاعَةٍ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ فَإِذَا مُوسَى قَائِمٌ يُصَلِّي فَإِذَا رَجُلٌ ضَرَبَ حَجْدَ كَانَةَ مِنْ رِحَالِ شَنْوَةَ وَإِذَا عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَائِمٌ يُصَلِّي أَقْرَبُ النَّاسِ بِهِ شَبَهًا عُرْوَةُ بْنُ مَسْعُودٍ التَّقِيُّ وَإِذَا إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَائِمٌ يُصَلِّي أَشْبَهُ النَّاسِ بِهِ صَاحِبُكُمْ يَعْنِي نَفْسَهُ

<sup>94</sup> *Ibid.*

<sup>95</sup> AbÊ 'Abd AllÉh MuÍammad bin YazÊd al-QazwinÊ, *op. cit*, no. *ÍadÉth*. 1637, kitÉb: al-JanÉiz, h. 241-242.

<sup>96</sup> 'Abd AllÉh bin MuÍammad bin al-QiddÊq al-*xasani*, *op. cit*, h. 14.

فَحَانَتِ الصَّلَاةُ فَأَمْتَهُمْ فَلَمَّا فَرَغُثُ مِنَ الصَّلَاةِ قَالَ قَائِلٌ يَا مُحَمَّدُ هَذَا مَالِكُ صَاحِبُ  
النَّارِ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ فَالْتَّقَتْ إِلَيْهِ فَبَدَأَنِي بِالسَّلَامِ.<sup>97</sup>

*Terjemahannya:*

*Aku telah melihat jemaah para Nabi musa a.s. berdiri tegak untuk melakukan solat dan ternyata beliau seorang yang berambut ikal dan berkulit coklat seperti orang Syanu'ah. Ketika itu juga Isa bin Maryam berdiri untuk melakukan solat, beliau adalah di antara orang yang mirip dengan 'Urwah bin Mas'ud al-Thaqafi. Ibrahim a.s. pula bangun untuk melakukan solat, orang menyerupai beliau ternyata adalah sahabat kamu sendiri (Nabi Muhammad s.a.w.). Kemudian tiba waktu solat aku mengimamkan mereka semua dan setelah selesai solat seseorang berkata kepadaku: Wahai Muhammad, inilah Malik penjaga neraka. Lalu aku memberi salam kepadanya dengan menoleh kepadanya, tetapi beliau mendahului aku memberi salam.*

Secara ringkas lafaz *al-wasâlah* (tawassul) merupakan perbuatan memohon dengan perantaraan kebaikan para nabi dan orang-orang soleh sama ada semasa hidup mereka atau setelah kematian mereka adalah suatu yang diharuskan. Pun begitu boleh juga memohon melalui perantaraan amalan-amalan baik yang diperintahkan Allah,<sup>98</sup> sama ada suruhan wajib atau amalan-amalan sunah yang pernah dilakukan dan ini antara cara bertawassul yang dituntut bagi setiap yang beriman.<sup>99</sup>

Sesungguhnya amalan bertawassul dengan kedudukan (pangkat) Rasulullah s.a.w. atau orang-orang soleh dan mereka yang hampir dengan Allah s.w.t. tidak pernah menjadi perbahasan atau dipersoal pada masa salaf. Malah di kalangan sahabat mereka mengambil keberkatan dengan cara bertawassul melalui peluh, rambut dan wuduk

<sup>97</sup> Abû 'xusain Muslim Bin Hajjâj al-Qusyairî al-Naisabûrî (t.t), *op. cit.*, "Kitab: al-Iman". no. 448 juz. 1, h. 108.

<sup>98</sup> Mâsâ' Muâmmad 'Alî, (2004), *op. cit.*, h. 45.

<sup>99</sup> Rasul Dahri, *op..cit.*, h. 21.

Baginda Rasulullah s.a.w.<sup>100</sup> sebagaimana kisah yang diriwayatkan oleh al-Tirmidzi dan Ibn MÉjah serta al-NasÉ'Ê melalui *ÍadÉth* 'UthmÉn Bin Hanif dengan sanad yang sahih:

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ حُبَيْفٍ أَنَّ رَجُلًا ضَرِبَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ ادْعُ  
اللَّهَ أَنْ يُعَافِيَنِي فَقَالَ: "إِنْ شِئْتَ أَخْرَتَ ذَلِكَ فَهُوَ أَفْضَلُ لِأَخْرِتَكَ، وَإِنْ شِئْتَ دَعَوْتَ  
لَكَ" قَالَ: بَلِ ادْعُ اللَّهَ لِي. فَأَمْرَهُ أَنْ يَتَوَضَّأْ وَأَنْ يَدْعُو بِهَذَا الدُّعَاءِ: "اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ  
وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنِيلَكَ مُحَمَّدًا نَبِيَّ الرَّحْمَةِ، يَا مُحَمَّدُ إِنِّي أَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ إِلَى رَبِّي فِي حَاجَتِي هَذِهِ  
فَتُفْضِّلَنِي لِي، اللَّهُمَّ فَشَفِّعْنِي فِيهِ وَشَفِّعْنِي فِي" <sup>101</sup>

*Terjemahannya:*

Bahawa telah datang seorang lelaki buta kepada Rasulullah s.a.w. lalu berkata: Berdoalah kepada Allah supaya Dia menyembuhkan aku, maka berkata Nabi s.a.w. jika engkau mahu (aku berdoa) aku akan lakukan, tetapi sekiranya engkau mahu bersabar maka yang demikian itu adalah lebih baik bagi engkau. Lalu lelaki itu berkata: Doakanlah. Lalu Rasulullah menyuruhnya berwudhu dengan sempurna dan berdoa dengan doa berikut: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku bermohon dan bertawajuh kepada-Mu dengan (darjat dan kedudukan Nabi s.a.w. di sisi Allah) nabi-Mu Nabi Muhammad iaitu nabi yang rahmat (penyayang). Dan denganmu (wahai Muhammad) aku menghadap (bertawajuh) kepada Tuhanku mengenai hajatku. Oleh itu perkenankanlah ya Allah!. Jadikanlah dia penolong bagiku.

Sebagai panduan dalam memahami amalan bertawassul dengan Rasulullah s.a.w.

boleh juga dilihat kepada firman Allah s.w.t.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللَّهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ  
فَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفِرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَابًا رَّحِيمًا (64)

al-NisÉ', 3: 64

*Terjemahannya:*

Dan kami tidak mengutus seseorang Rasul melainkan untuk ditaati dengan izin Allah. Dan kalaular mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad s.a.w.), lalu memohon

<sup>100</sup> MuÍammad Sa'Éd RamalÉn al-BÉÏÉ (Dr), (1990). *Al-Salafiyah MarÍalah Zamaniyyah MubÉrakah LÉ Madzhab IslamÉi*. Beirut: DÉr al-Fikr al-Mu'Élir, h. 154.

<sup>101</sup> AbÉ 'Abd AllÉh MuÍammad bin YazÉd al-QazwinÉ, *op. cit*, no. *ÍadÉth* 1385, "kitab al-IqÉmah al-Øolah wa al-Sunnah FÉhÉ", bab: MÉ JÉa Fi al-Øolah al-×Éjah, h. 204.

*ampun kepada Allah, dan rasulpun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapatkan Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.*

Persoalannya, amalan bertawassul kepada yang telah meninggal dunia atau masih hidup adalah satu amalan yang sentiasa berlaku sama ada pada masa sahabat dan ahli salaf sehingga kedatangan Ibn Taimiyah yang telah memisahkan antara bertawassul dengan para nabi dan orang-orang soleh semasa hidup dengan selepas kematian mereka. Berhujah lagi al-BËÏË bahawa pegangan Ibn Taimiyah itu tidak dapat diketahui dengan jelas di manakah sandaran sanadnya apabila dirujuk kepada zaman salaf.<sup>102</sup>

Lahirnya perbahasan yang remeh tentang selawat sehingga berlaku kealpaan sama ada di kalangan ilmuan Islam atau lebih-lebih lagi mereka yang kurang pengetahuan tentang agama untuk menerap satu nilai yang lebih perlu diutamakan dan difahami tentang hubungan umat dengan Rasulullah s.a.w. iaitu memperbanyakkan ucapan selawat kepadanya dengan ikhlas dan penuh penghayatan. Sesungguhnya kerana kealpaan terhadap penerapan nilai inilah menyebabkan pada pandangan awam merasakan seolah-olah Rasulullah s.a.w. amat memerlukan ucapan selawat daripada umatnya agar Baginda akan mendapat syafaat daripada ucapan tersebut.<sup>103</sup> Sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. tidak sekali-kali memerlukan hadiah pahala selawat yang diamalkan umatnya kepadanya, kerana Allah s.w.t. dengan kemurahan-Nya telah memberi limpahan yang melimpah ruah kepadanya, sehingga Baginda s.a.w. tidak memerlukan apa-apa tambahan selain daripada-Nya. Ini jelas dan buktinya cukup kukuh berdasarkan firman Allah s.w.t.

---

<sup>102</sup> Mu‘ammad Sa‘îd Ramañî al-BËÏË (Dr), *op. cit.*, h. 155.

<sup>103</sup> Manan Mohammad (Dr). Temubual pada 2 Mei 2011.

وَلَسَوْفَ يُعَطِّيلِكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ (5)

al-ÖuÍÉ, 93: 5

*Terjemahannya:*

*Dan kelak Tuhanmu pasti memberikan kurnia-Nya kepadamu, lalu (hati) kamu menjadi puas.*

Seterusnya melalui ayatNya yang lain Allah s.w.t. berfirman.

وَمَا يَضُرُّونَكَ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْكَ الْكِتَبَ وَالْحِكْمَةَ وَعَلَمَكَ مَا لَمْ

تَعْلَمُ وَكَانَ فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكَ عَظِيمًا (113)

al-NisÉ', 4: 113

*Terjemahnya:*

*Dan mereka tidak dapat membahayakan sedikitpun kepadamu. dan (juga karena) Allah telah menurunkan kitab dan hikmah kepadamu, dan telah mengajarkan kepadamu apa yang belum kamu ketahui. dan adalah kurnia Allah sangat besar atasmu.*

3. Pertikaian Ketiga Dalam Bacaan Asas Sepuluh: Doa Menghindar Syaitan, Bacaan Salam Ke Atas Nabi Sulaiman dan Doa Sulaiman

i. Doa Menghidar Syaitan

Hakikat doa ialah permohonan atau permintaan perkara kebaikan kepada Tuhan (Allah) sama ada potongan daripada ayat al-Quran atau *ÍadÊth* atau susunan perkataan sendiri yang diluahkan dalam apa juu bahasa,<sup>104</sup> kerana amalan berdoa itu pada hakikatnya mengingati Allah dan ia adalah gesaan daripadaNya serta pembuka jalan menghampiri-Nya, lalu sebagai peringatan dan didikan rohaniyyah Allah s.w.t. berfirman:

<sup>104</sup> Mohamad Abdullah al-Amin, Ahmad Hassan Mohd Nazam, (2008). *Zikir, Doa dan Selawat Popular*. Kuala Lumpur, Telaga Biru, hlm. VII.

وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللَّهُ أَوْ تَأْتِينَا إِيمَانُهُ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِثْلَ قَوْلِهِمْ تَشَبَّهُتْ قُلُوبُهُمْ قَدْ بَيَّنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ (118)

al-Baqarah, 2: 186

Terjemahannya:

Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahawa Aku adalah amat dekat. Aku mengakbulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada Aku. Maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah Aku) dan hendaklah mereka beriman kepadaKu, agar mereka selalu berada dalam kebenaran.

Melalui firman Allah s.w.t. yang lain.

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدُ خُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ (60)

GhÉfir, 40: 60

Terjemahannya:

Dan Tuhanmu berfirman: "Berdoalah kepada Aku, nescaya akan Aku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah Aku (yang dimaksud dengan menyembahKu di sini ialah berdoa kepadaKu), akan dimasukkan ke dalam neraka Jahannam dalam keadaan hina dina".

Sememangnya penulis tidak menjumpai nas atau dalil sama ada daripada *al-QurÉn* atau *ÍadÉth* bentuk bacaan Doa Menghalau Syaitan sebagaimana yang dibaca di Darussyifa'. Namun begitu berdasarkan pendapat pengasas Darussyifa' bahawa doa tersebut adalah gabungan antara *ÍadÉth* dengan ucapan doa serta bertabarruk dengan ayat al-Quran.<sup>105</sup> Ini adalah satu amalan yang biasa dilakukan oleh kebanyakan orang sama ada yang alim atau tidak, kerana hajat di kalangan manusia tidak sama dan memerlukan pertolongan Allah yang hanya Dia memiliki

<sup>105</sup> Dato' Haron Din (Dr), Pengasas Darussyifa', temubual pada 29 Disember 2009, selasa, jam 3.10 - 4.25 ptg.

segalanya serta mampu melunas semua permintaan hamba-Nya, lantaran itu Dia berfirman untuk menyatakan kekayaan-Nya dan semua makhluk memerlukan-Nya:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ (15)

FÉlir(35): 15

*Terjemahannya:*

*Hai manusia, kamu yang berkehendak kepada Allah dan Allah Dialah yang Maha Kaya (Tidak memerlukan sesuatu) lagi Maha Terpuji.*

Walaupun begitu doa memohon perlindungan Allah daripada gangguan Syaitan yang diamalkan di Darussyifa' ada sedikit persamaan dengan *ÍadÉth* sebagaimana yang diriwayatkan Sa'Éd bin Jubair daripada Ibn 'AbbÉs katanya:<sup>106</sup>

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَوِّذُ الْحُسَنَ وَالْحُسْنَيْنَ فَيَقُولُ أُعِيدُكُمَا بِكَلِمَةِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ، ثُمَّ يَقُولُ: هَكَذَا كَانَ أَبِي إِبْرَاهِيمٍ عَلَيْهِ السَّلَامُ يُعَوِّذُ إِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ<sup>107</sup>

*Terjemahannya:*

*Bahawa Nabi s.a.w. (memberi) perlindungan kepada Hasan dan Husain (dengan berkata) aku lindungkan kamu berdua dengan kalimah Allah yang sempurna daripada sekalian musuh dan kecelakaan dan daripada keburukan setiap pandangan (mata) yang tercela (penyakit 'ain). Lalu bersabda (Nabi s.a.w.) beginilah ayah kami (Nabi Ibrahim a.s.) memberi (memohon) perlindungan bagi Ismail dan Ishak.*

Manakala gabungan seterusnya pula ialah bertabarruk dengan lafaz ayat al-Quran dan ayat inilah yang menjadi pemangkin kepada penyembuhan melalui doa tersebut<sup>108</sup> ayatnya ialah sebagaimana yang terdapat pada firman Allah s.w.t.

<sup>106</sup> Áímad bin Syu'aib bin 'AlÉ al-NasÉ'É, (1406H). 'Amal al-Yaum wa al-Lailah, cet. 2, juz. 1, Beirut: Muassasah al-RisÉlah.

<sup>107</sup> AbÉ 'Abd Allah MuÍammad bin YazÉd al-QazwinÉ, op. cit, no. hadis: 3525, Kitab al-Ùibb, hlm..534.

لَقَدْ حَلَقْنَا إِلَيْنَاهُ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ (4)

al-Tâ'âqât (95): 4

*Terjemahannya:*

*Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.*

ii. Bacaan Doa Sulaiman

Kehujahan di atas termasuklah dengan kaedah bacaan Doa Sulaiman yang terdapat pada bacaan di Darussyifa', yang mana ia adalah susunan lafaz memohon kemanfaatan dan jagaan serta perlindungan daripada Allah dengan bertawassul serta menumpang keberkatan salah seorang Rasul Allah iaitu Nabi Sulaiman a.s.

iii. Bacaan Salam Ke Atas Nabi Sulaiman

Begitu juga dengan bacaan doa seterusnya yang terdapat di Darussyifa' dan sememangnya dalam al-Quran tidak terdapat bentuk bacaan ayat salam ke atas Nabi Sulaiman seperti سلام على سليمان في العالمين (79), tidak seperti beberapa nabi-nabi lain yang disebut secara khusus melalui beberapa ayat seperti firman Allah s.w.t.:

سَلَّمٌ عَلَى نُوحٍ فِي الْعَالَمِينَ (79)

al-Óffâ'ît, 37: 79

*Terjemahannya:*

*"Kesejahteraan dilimpahkan atas Nuh di seluruh alam".*

سَلَّمٌ عَلَى إِبْرَاهِيمَ (109)

<sup>108</sup> Dato' Haron Din (Dr), Temubual pada 29 Disember 2009, selasa, jam 3.10 – 4.25 ptg.

*Terjemahannya:*

"Kesejahteraan dilimpahkan atas Ibrahim".

سَلَّمٌ عَلَى مُوسَى وَهَرُونَ (120)

al-ØEffEt (37): 120

*Terjemahannya:*

"Kesejahteraan dilimpahkan atas Musa dan Harun".

سَلَّمٌ عَلَى إِلَيْ يَاسِينَ (130)

al-ØEffEt(37): 130

*Terjemahannya:*

"Kesejahteraan dilimpahkan atas Ilyas"

Walaupun begitu, penulis cuba melihat dari konsep تُبَرِّكَ (mengambil berkat) melalui keistimewaan yang telah dianugerahkan Allah ke atas seorang Rasul-Nya iaitu Nabi Sulaiman a.s. berdasarkan beberapa ayat yang telah difirmankan Allah s.w.t.:

وَلِسُلَيْمَنَ أَتَسْعَ عَاصِفَةً تَحْرِي بِأَمْرِهِ إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَرَكْنَا فِيهَا وَكُنَّا

بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَمِينَ (81) وَمِنَ الشَّيَاطِينِ مَنْ لَهُ وَيَعْمَلُونَ عَمَلاً دُونَ

ذَلِكَ وَكُنَّا لَهُمْ حَفِظِينَ (82)

al-AnbiyÉ(21): 81-82

*Terjemahannya:*

Dan (telah kami tundukkan) untuk Sulaiman angin yang sangat kencang tiupannya yang berhembus dengan perintahnya ke negeri yang kami telah memberkatinya dan adalah kami Maha mengetahui segala sesuatu. Dan kami telah tundukkan (pula kepada Sulaiman) segolongan syaitan-syaitan yang menyelam (ke dalam laut) untuknya dan mengerjakan pekerjaan selain daripada itu, dan adalah kami memelihara mereka itu.

Allah juga ada berfirman melalui ayat yang lain:

وَحُشِرَ لِسْلَيْمَنَ جُنُودُهُ مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ وَالْطَّيْرِ فَهُمْ يُوزَعُونَ (17)

al-Naml (27): 17

*Terjemahannya:*

*Dan dihimpulkan untuk Sulaiman tentaranya dari jin, manusia dan burung lalu mereka itu diatur dengan tertib (dalam barisan).*

Melalui ayat lain juga Allah s.w.t. berfirman:

وَلِسْلَيْمَنَ الْرِّيحَ غُدُوها شَهْرٌ وَرَوَاحُهَا شَهْرٌ وَأَسَّنَا لَهُ عَيْنَ الْقِطْرِ وَمِنَ الْجِنِّ مَنْ يَعْمَلُ بَيْنَ يَدَيْهِ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَمَنْ يَزِغُ مِنْهُمْ عَنْ أَمْرِنَا نُذِقُهُ مِنْ عَذَابِ السَّعِيرِ (12)  
يَعْمَلُونَ لَهُ مَا يَشَاءُ مِنْ مَحَرِّبٍ وَتَمَثِيلٍ وَجَفَانٍ كَالْجَوَابِ وَقُدُورٍ رَّاسِيَتٍ  
أَعْمَلُوا إِلَى دَأْوَدَ شُكْرًا وَقَلِيلٌ مِنْ عِبَادِيَ الْشَّكُورُ (13)

Saba' (34): 12-13

*Terjemahannya:*

*Dan kami (tundukkan) angin bagi Sulaiman, yang perjalanananya di waktu pagi sama dengan perjalanan sebulan dan perjalanananya di waktu petang sama dengan perjalanan sebulan (bila Sulaiman mengadakan perjalanan dari pagi sampai tengah hari maka jarak yang ditempuhnya sama dengan jarak perjalanan unta yang cepat dalam sebulan. begitu pula bila ia mengadakan perjalanan dari tengah hari sampai petang, maka kecepatannya sama dengan perjalanan sebulan), dan kami alirkan cairan tembaga baginya. dan sebahagian daripada jin ada yang bekerja di hadapannya (di bawah kekuasaannya) dengan izin Tuhan, dan siapa di antara mereka yang menyimpang dari perintah kami, kami rasakan kepadanya azab neraka yang apinya menyala-nyala. Para jin itu membuat untuk Sulaiman apa yang dikehendakinya dari gedung-gedung yang tinggi dan patung-patung dan piring-piring yang (besarnya) seperti kolam dan periuk yang tetap (berada di atas tungku). Bekerjalah wahai keluarga Daud untuk bersyukur (kepada Allah). Namun sedikit sekali dari hamba-hambaKu yang berterima kasih.*

Itulah kehebatan yang dianugerahkan Allah kepada Nabi Sulaiman a.s. dan dikisahkannya melalui al-Quran supaya dimanfaati oleh mereka yang mengaku beriman, kerana Allah pasti tidak akan menceritakannya kalau kisah itu tidak mendatangkan manfaat, lantaran itu bukanlah sifat Allah s.w.t. dan ini telah ditegaskan melalui firman-Nya:

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا... (191)

Óli ‘ImrÉn, 3: 191

*Terjemahannya:*

..... "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia.,

Walaupun Allah tidak mengungkapkan kalimah *salÉm* ke atas nabi Sulaiman a.s. secara khusus, sebagaimana telah disebut nama Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa dan Nabi Ilyas. Tetapi secara umumnya Allah s.w.t. telah mengucapkan kalimah salam ke atas semua Rasul-rasul-Nya dan sebagai orang yang beriman dengan semua para Rasul Allah, adalah dibolehkan mengambil keberkatan dengan mana-mana Rasul atau kalangan semua nabi, kerana mereka semua adalah insan pilihan dan maksum di sisi Allah s.w.t., malah (dibolehkan juga) orang-orang soleh (walaupun mereka bukan nabi Allah).<sup>109</sup> Sesungguhnya kefahaman mengambil keberkatan melalui Nabi Allah Sulaiman a.s. ini dapat disandarkan kepada firman Allah s.w.t.:

وَسَلَمٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ (181)

, al-ØffEt, 37: 181.

*Terjemahannya:*

*Dan kesejahteraan dilimpahkan atas para rasul.*

<sup>109</sup> MËSÉ MuÍammad AlÉ, *op. cit.*, h. 48.

Ungkapan salam yang diucapkan Allah melalui firman-Nya itu adalah lafaz penghormatan tertinggi daripada Alah s.w.t. lantaran semua para Rasul Allah sanggup bermati-matian berhadapan dengan apa jua kuasa dan rintangan, semata-mata membuat jasa untuk meninggalkan kesan yang baik kepada seluruh kaum dan manusia yang akan datang melalui acuan agama Allah. Untuk itu, sama ada yang disebut nama mereka kepada Rasulullah s.a.w. atau tidak, semuanya mendapat pujian daripada Allah s.w.t..<sup>110</sup> Maka pada hakikatnya ayat di atas menjadi dalil bahawa ungkapan salam daripada Allah ke atas Nabi Sulaiman a.s. juga telah termaktub dalam kitab Allah s.w.t.. Justeru, melihat kepada keistimewaan yang telah dikurniakan Allah kepada Nabi Sulaiman maka beramal dengan amalan ucapan salam ke atasnya pasti mempunyai kekuatannya yang tersendiri.

#### 4. Pertikaian Keempat Dalam Bacaan Asas Sepuluh Pertama: ( بارئ )

Adalah suatu yang kurang wajar untuk menghukum dengan bid‘ah dan tidak berpahala (kerana itu merupakan amalan yang sia-sia). Sedangkan semua nama-nama Allah yang baik itu menjadi sifat-Nya sebagaimana *ÍadÊth* sahih yang diriwayatkan oleh Anas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda.

لَا تَقُومُ السَّاعَةَ حَتَّىٰ لَا يَقَالُ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ إِلَهُ

*Terjemahannya:*

*Tidak akan berlaku kiamat sehingga dahulu tidak di sebut lagi di bumi ini:  
Allah, Allah.*

Begitu juga mengikut riwayat AbÊ Hurairah r.a. dalam *ÍadÊth ÍaÍÊÍ* yang lain bahawa Nabi s.a.w. bersabda.

<sup>110</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1999), *op. cit*, h. 6088-6138.

<sup>111</sup> JalÉl al-dÊn‘Abd al-RaÍmÉn Bin AbË Bakr al-SuyËli, *op. cit*, juz. 2, no. *ÍadÊth*: 9849, h. 582.

أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ تِسْعَةَ وَتِسْعِينَ اسْمًا  
مَائَةً إِلَّا وَاحِدَةً مِنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ<sup>112</sup>

*Terjemahannya:*

*Sesungguhnya Allah itu mempunyai sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu. Barangsiapa yang menghitungnya, maka dia akan masuk syurga.*

Secara umum telah mengetahui akan sembilan puluh sembilan *nama-nama Allah yang indah* (*Asmā' al-usna*) yang mempunyai makna tertentu dan menggambarkan kesempurnaan sifat-sifat Allah Taala yang amat sesuai dengan darjat Allah yang Maha sempurna. Justeru menghafaz, beramal serta menghayatinya pasti mendapat pahala, kerana sekiranya tidak berpahala pasti tidak akan diganjari syurga. Tidak terhenti di situ sahaja, lantaran berdoa dan berwirid melaluinya dengan jumlah atau bilangan tertentu yang telah ditetapkan alim ulama akan mendatangkan fadhilat atau khasiat.<sup>113</sup>

Begitulah dengan ( يا بارئ ) yang bermaksud *Wahai Tuhan Yang Menjadikan* (daripada tiada kepada ada) merupakan salah satu daripada nama-nama Allah yang Maha Indah itu telah menjadi pilihan dalam amalan pengubatan di Darussyifa' lantaran ia juga mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Sesungguhnya pembongkaran rahsia keistimewaan beramal dengan *al-Asmā' al-usna* serta hitungan bilangan tertentu ini terhasil daripada *tajribah, pengalaman* dan *percubaan* ulama tertentu (terutama ulama dan para ahli yang mendalami ilmu tasawwuf dengan kewibawaan ilmunya) maka

<sup>112</sup> Muáammad bin Isá Abú Isá al-Tirmidhí, (t.t). *op. cit.*, J. 5, no 3506, Kitab al-Da‘awá, h. 530. Lihat juga dalam Abú usain Muslim Bin Hajjáj al-Qusyairí al-Naisabúrí, *op. cit*, no. juz. 4, *Íadáth*: 2677, Kitab al-dhíkr wa al-Du‘á’ wa al-Taubah wa al-Istighfár, h. 253.

<sup>113</sup> Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat (tuan Guru), (2007). *Indahnya NamaMu Khasiat dan Fadhilat Asma al-Husna*, cet. 1, Kuala Lumpur, Sarjana Media, h. 3.

terserlahlah bahawa setiap nama-nama yang terkandung dalam *Asmā' al-*husna** itu mempunyai khasiat. Apa yang penting perlu diketahui bahawa sememangnya mereka mempunyai alasan, hujah dan dalil yang jelas dan kukuh untuk dijadikan sandaran,<sup>114</sup> sebagaimana Allah berfirman:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا  
(180).....  
al-A'rāf (7): 180

*Terjemahannya:*

*Hanya milik Allah asma al-husna maka bermohonlah kepadaNya dengan menyebut Asma al-Husna itu.*

Melalui ayat yang lain Allah s.w.t. juga berfirman:

قُلْ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيْمًا مَا تَدْعُوا فَإِنَّ اللَّهَ الْأَسْمَاءَ الْحُسْنَىٰ  
(110).....  
al-Isrā' (17): 110

*Terjemahannya:*

*Katakanlah: "Serulah Allah atau serulah al-Rahman. dengan nama yang mana saja kamu seru, dia mempunyai al-Asma al-Husna (nama-nama yang indah lagi terbaik).*

Manakala dalam ayat yang lain pula Allah s.w.t. berfirman:

فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ (74)  
Al-Waqi'ah (56): 74

*Terjemahannya:*

*Maka bertasbihlah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Maha besar.*

Melihat kepada ayat di atas secara zahirnya jelas menunjukkan Allah s.w.t. memerintahkan supaya bertasbih (berdhikir atau mengingati-Nya) dengan mana-mana nama-Nya tanpa mengkhususkannya.<sup>115</sup>

---

<sup>114</sup> *Ibid.*, h. 1-2.

<sup>115</sup> Iaitu mengkhususkan bentuk-bentuk dhikir sebagaimana yang dinyatakan oleh golongan yang

Oleh itu melihat kepada beberapa dalil di atas dapat difahami bahawa Allah mendorong dan menggalakkan setiap orang yang beriman supaya menggunakan nama-nama Allah Yang Maha Agong bagi tujuan memohon atau berdoa kepada-Nya.<sup>116</sup> Apatah lagi hanya Allah yang mampu mengada dan meletakkan penyakit ke atas seseorang, maka Dia jualah yang mampu meniada atau menghilangkannya, kerana dengan nama-Nya *al-RaímÉn* adalah hendak menyatakan Dia akan sentiasa memberi apabila diminta. Manakala *al-RahÉm* pula menyatakan Dia akan murka sekiranya permohonan tidak diajukan kepada-Nya,<sup>117</sup>

Secara ringkasnya semua itu adalah kaedah dan bentuk doa yang terdapat dalam amalan Darussyifa', sedangkan doa itu sendiri merupakan salah satu ibadah harian yang dilakukan oleh semua umat Islam dan berdoa kepada Allah bukan hanya setakat memohon diberi kekuatan, malah memohon diberi keajaiban, kekuatan, penguasaan yang luar biasa dan dilunaskan hutang. Apa yang pentingnya adalah memohon bantuan dan kepasrahan kita kepada Allah.<sup>118</sup>

### **3.4. Hukum Beramal Dengan Bacaan Asas Sepuluh Pertama Darussyifa'**

---

membid'ah dan tidak berpahala beramal dengan mana-mana nama Allah yang tidak terdapat padanya dalil qá'í'É.

<sup>116</sup> Hj. Nik Abdul Azizi Nik Mat (2007), *op. cit.*, h. 3.

<sup>117</sup> Muhammad Umar Ghazali, (2007), *op. cit.*, h. 36.

<sup>118</sup> Datuk Abu Hassan Din al-Hafiz, (2001), *op. cit.*, h. 13.

a) Membaca Surah al-FÉtiÍah Dalam Pengubatan<sup>119</sup>

Melihat kepada perbahasan di atas maka hukum membaca surah *al-FÉtiÍah* sebagai jampi untuk mengubat sebarang penyakit adalah satu amalan yang baik dan harus diamalkan, malah ia menjadi satu sunnah dalam amalan pengubatan kerana telah mendapat pengiktirafan daripada Rasulullah s.a.w. sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh AbÉ Sa‘Êd al-Khudri.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ نَاسًا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَوْا عَلَى حَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ فَلَمْ يَقْرُؤُوهُمْ فَبَيْنَا هُمْ كَذَلِكَ إِذْ لَدِغَ سَيِّدُ الْأَنْوَافِ أُولَئِكَ فَقَالُوا هَلْ فِيْكُمْ دَوَاءً أَوْ رَاقِيٌّ فَقَالُوا إِنَّكُمْ لَمْ تَقْرُؤُنَا وَلَا نَفْعَلُ حَيًّا بَجْعَلُوا لَنَا جُعلًا. فَجَعَلُوا لَهُمْ قَطِيعًا مِنْ شَاءَ قَالَ فَجَعَلَنِي يَقْرَأُ أَمَّ الْقُرْآنِ وَيَجْمَعُ بُرَاقَهُ وَيَتَعَلَّمُ فَبَرَّا الرِّجْلَ فَأَتَوْهُمْ بِالشَّاءِ فَقَالُوا لَا تَأْخُذْهَا حَتَّى نَسْأَلَ عَنْهَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلُوا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ فَضَحِّكَ وَقَالَ مَا أَدْرَاكَ أَنَّهَا رُقِيَّةٌ خُدوْهَا وَاضْرِبُوا لِي فِيهَا بِسَهْمٍ<sup>120</sup>

*Terjemahannya:*

Daripada AbÉ Sa‘Êd al-KhudrÊ bahawa beberapa sahabat Nabi s.a.w. telah datang ke salah satu desa orang arab dan mereka tidak diterima sebagai tetamu. Ketika mereka dalam keadaan demikian, pemimpin penduduk desa itu disengat binatang, lalu orang di desa itu bertanya: Adakah kamu mempunyai ubat atau adakah di antara kamu yang boleh menjampi. Para sahabat menjawab kamu tidak mahu menerima kami sebagai tetamu dan kami tidak akan mengubatinya sehingga kamu memberi kami sesuatu. Maka penduduk desa itu memberi mereka beberapa ekor kambing, lalu salah seorang daripada mereka membaca Ummu al-Quran (*al-FÉtiÍah*), setelah itu dikumpulkan air ludahnya di mulutnya dan diludahi tempat yang sakit dan orang tersebut sembuh, maka mereka menyerah kambing-kambing tersebut. Lalu berkata para sahabat: Kami akan bertanya dahulu kepada Nabi s.a.w. baru kami ambil dan mereka pun pergi bartanya kepada Baginda s.a.w.. Baginda tertawa

<sup>119</sup> Lihat bab 1, h. 33.

<sup>120</sup> AbÉ ‘Abd AllÉh MuÍammad bin IsmÉil, (1987/1407H), *op. cit*, jld. 5, no. ÍadÉth 5404, Kitab al-Ùibb, h. 2166. Lihat juga dalam ØaÍÈÍ Muslim (t.t.), *op.cit.*, j. 7, “KitÉb al-SalÉm”. No. ÍadÉth 5864, h. 20.

*dan berkata, siapakah yang memberitahu kamu bahawa ayat (al-Fatiyah) itu jampi? Ambillah kambing itu dan bari kepada saya sebahagian.*

b) Membaca Ayat al-Kursi Dalam Pengubatan<sup>121</sup>

Penggunaan bacaan ayat al-Kursi dalam pengubatan khususnya yang berkaitan dengan gangguan jin atau syaitan boleh dikatakan sudah terlalu makruf pada pengetahuan umum di kalangan orang Islam. Oleh itu hukum membacanya sebagai jampi untuk menyembuhkan penyakit dan menghindari daripada gangguan syaitan adalah dibanar syarak dan secara langsung telah beramal dengan saranan Rasulullah s.a.w. kepada Abu Hurairah r.a.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: وَكَلَّنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحَفْظِ زَكَاةِ رَمَضَانَ فَأَتَانِي آتٍ فَجَعَلَ يَخْتُو مِنَ الطَّعَامِ فَأَخْدُنُهُ وَقُلْتُ وَاللَّهِ لَا رَفَعْنَكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ قَالَ: إِنِّي مُحْتَاجٌ وَعَلَيَّ عِيَالٌ وَلِي حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ قَالَ: فَخَلَّيْتُ عَنْهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا أَبَا هُرَيْرَةَ مَا فَعَلْتَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ؟ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ شَكَا حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ وَعِيَالًا فَرَحْمَتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ قَالَ: أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ قَالَ فَرَصَدْتُهُ فَجَاءَ يَخْتُو مِنَ الطَّعَامِ فَأَخْدُنُهُ فَقُلْتُ لَا رَفَعْنَكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ قَالَ: دَعْنِي إِنِّي مُحْتَاجٌ وَعَلَيَّ عِيَالٌ لَا أَعُودُ فَرَحْمَتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ فَأَصْبَحْتُ فَقَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ: يَا أَبَا هُرَيْرَةَ مَا فَعَلْتَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ شَكَا حَاجَةٌ شَدِيدَةٌ وَعِيَالًا فَرَحْمَتُهُ فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ! قَالَ: أَمَا إِنَّهُ قَدْ كَذَبَكَ وَسَيَعُودُ، قَالَ: فَرَصَدْتُهُ التَّالِثَةَ فَجَاءَ يَخْتُو مِنَ الطَّعَامِ فَأَخْدُنُهُ فَقُلْتُ: لَا رَفَعْنَكَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ قَالَ دَعْنِي أُعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ يَنْفَعُكَ اللَّهُ بِهَا إِذَا أُوْتِتَ إِلَى فِرَاشَكَ فَاقْرُأْ آيَةَ الْكُرْسِيِّ فَإِنَّكَ لَنْ يَزَالَ عَلَيْكَ مِنَ اللَّهِ حَافِظٌ وَلَا يَقْرَئُكَ شَيْطَانٌ حَتَّى تُصْبِحَ! فَخَلَّيْتُ سَبِيلَهُ فَلَمَا أَصْبَحْتُ قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ: مَا فَعَلْتَ أَسِيرُكَ الْبَارِحَةَ؟ فَحَكَيَتْ لَهُ القَصَّةَ قَالَ أَعْلَمُ مِنْ تُخَاطِبُ مِنْ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ؟ قَلْتُ لَا قَالَ: ذَاكَ شَيْطَانٌ<sup>122</sup>

<sup>121</sup> Lihat bab 1, h. 33.

<sup>122</sup> Abū ‘Abd Allāh Mu‘ammad bin Ismā‘il , op. cit, Bāb al-Wakīlah, jld. 2, no. 1122, h. 316-

*Terjemahannya:*

Daripada Abu Hurairah r.a. katanya: *Rasulullah s.a.w. telah memberi tugas kepada aku untuk menjaga zakat Ramadhan (zakat fitrah). Kemudian datang seseorang kepada aku lalu diambilnya segenggam makanan dan orang tersebut dapat aku tangkap dan aku berkata kepadanya: Nanti akan aku beritahu (tentang perbuatan) kamu kepada Rasulullah s.a.w.. Berkatalah lelaki tersebut: Saya amat memerlukannya kerana saya mempunyai keluarga dan keperluan yang amat sangat. Berkata Abu Hurairah, (kerana alas an tersebut) maka aku membiarkan sahaja (melepaskan) orang itu. Namun pada kesokan paginya Rasulullah s.a.w. bersabda: *Hai Abu Hurairah apakah yang telah engkau lakukan terhadap tawananmu malam tadi?.* Aku jawab, ya Rasulullah! Dia memberitahu kepada aku yang dia sangat memerlukannya kerana mempunyai keluarga, maka aku amat kasihan kepadanya dan aku membiarkan sahaja dia. Lalu bersabda Nabi s.a.w. sesungguhnya dia telah berdusta kepada kamu dan akan datang kembali. Maka dengan pemberitahuan Rasulullah s.a.w. itu akau amata yakin bahawa dia (orang tersebut) akan datang emula. Lalu saya mengintipnya dan memang benar orang tersebut datang semula lalu diambilnya segenggam makanan dan aku terus menangkapnya dan kata kepadanya bahawa akan aku beritahu kepada Rasulullah s.a.w. (mengenai saya tidak akan mengulangi lagi perbuatan ini, maka aku rasa cukup kasihan kepadanya dan melepaskan dia. Namun pada kesokan paginya Rasulullah s.a.w. bersabda: *Hai Abu Hurairah apakah yang telah engkau lakukan terhadap tawananmu malam tadi?.* Aku jawab, ya Rasulullah! Dia memberitahu kepada aku yang dia sangat memerlukannya kerana mempunyai keluarga, maka aku amat kasihan kepadanya dan aku membiarkan sahaja dia. Lalu bersabda Nabi s.a.w. sesungguhnya dia buat kali ketiga, memang benar orang itu datang kembali dan mengambil adukan kepada Rasulullah s.a.w. kerana ini adalah kali ketiga dan kamu telah berjanji tidak akan datang lagi tetapi sebaliknya kamu datang juga. Maka dia berkata , lepaskan saya nanti akan saya ajar kepada kamu beberapa kalimah yang mana Allah akan memberi manfaat kepada kamu apabila kamu membacanya. Lalu aku bertanya, apakah kalimah itu? Jawabnya apabila kamu hendak tidur bacalah ayat Kursi ﷺ hingga akhir ayat, maka kamu akan sentiasa berada dalam jagaan Allah dan syaitan tidak akan menghampiri kamu sampai pagi, lalu akaupun membiarkannya. Namun pada kesokan paginya Rasulullah s.a.w. bersabda: Apakah yang telah engkau lakukan terhadap tawananmu malam tadi?. Kataku ya Rasulullah! Dia telah mengajar aku beberapa kalimah yang katanya Allah akan memberi manfaat apabila seseorang membacanya, kerana itulah aku lepaskan dia. Lalu Rasulullah bertanya apakah kalimah itu? Kataku, orang itu memberitahu kepada aku apabila*

*kamu hendak tidur, bacalah ayat Kursi dari awal hingga ke akhir, iaitu:*

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ

*katanya kepadaku, kamu akan sentiasa berada dalam jagaan Allah dan syaitan tidak akan menghampiri kamu sampai pagi, dan biasanya para sahabat sangat inginkan kebaikan. Nabi s.a.w. pun bersabda: Sesungguhnya dia telah benar terhadap kamu, sedangkan dia adalah sangat pendusta. Tahukah kamu dengan siapa kamu bercakap selama tiga malam itu wahai Abu Hurairah? Katanya tidak. Sabda Nabi s.a.w. itulah syaitan.*

c) Membaca ﴿يَا بارئ﴾ Dalam Pengubatan<sup>123</sup>

Adapun berubat dengan menggunakan ﴿يَا بارئ﴾ adalah antara amalan yang disukai Allah dan bertepatan dengan syarak. Oleh itu sesiapa yang menggunakan bacaan tersebut dalam amalan pengubatan adalah merupakan seorang yang beriman dan secara langsung telah beramal atau menghayati dengan kandungan firman Allah s.w.t.

قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوِ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَكْثَرًا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ..... (110)

al-Isrā', 17: 110

*Terjemahannya:*

*Katakanlah: "Serulah Allah atau serulah al-Rahman. dengan nama yang mana saja kamu seru, dia mempunyai al-Asma al-Husna (nama-nama yang indah lagi terbaik).*

Manakala melalui ayat yang lain pula Allah s.w.t. mengajar dan menyuruh supaya berdoa dengan menggunakan mana-mana nama-Nya sebagaimana firman-Nya.

وَإِلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ..... (180)

al-A'raf, 7: 180

*Terjemahannya:*

*Hanya milik Allah asma al-husna maka bermohonlah kepadaNya dengan menyebut Asma al-Husna itu.*

---

<sup>123</sup> Lihat bab 1, h. 34.

Maka jelaslah di sini pada hukumnya ia adalah satu kewajaran dan bertepatan dengan hukum syarak.

d) Membaca ﷺ ﴿كَهِيَعْصِ حَمَ عَسَق﴾ Dalam Pengubatan<sup>124</sup>

Beramal dengan ayat-ayat ini dalam rawatan penyakit adalah berlandaskan kebenaran syarak, walaupun pada hakikatnya hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui apakah maksud atau pengertian yang sebenarnya. Tetapi memandangkan ia adalah huruf-huruf yang tersusun sebagai kalam Allah, maka membacanya sebagai jampi dalam merawat penyakit pasti akan mendapat keberkatan dan mendapat pahala serta selari dengan kebenaran syarak. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.

عن علي قال: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْرُ الدُّوَاءِ الْقُرْآنُ<sup>125</sup>

*Terjemahannya:*

*Daripada ‘Ali r.a. Telah bersabda Rasulullah s.a.w. sebaik baik obat ialah al-Quran.*

Manakala melalui *ÍadÉth* lain Rasulullah s.a.w. juga ada bersabda.

عَالِجِيهَا بِكِتَابِ اللَّهِ<sup>126</sup>

*Terjemahannya:*

*Rawatilah dia (‘Aisyah r.a.) dengan kitab Allah (ayat-ayat al-Quran).*

e) Membaca Selawat Syifa’ Dan Selawat Tafrijiyah Dalam Pengubatan<sup>127</sup>

---

<sup>124</sup> Lihat bab 1, h. 34.

<sup>125</sup> AbÉ ‘Abd AllÉh MuÍammad bin YazÉd al-QazwinÉ, *op. cit*, no. *ÍadÉth*. 350 , kitab al-Ùibb, bab: Istishfa’ bi al-Quran, h. 531.

<sup>126</sup> ‘Ala’uddÉn ‘Ali al-MuttaqÉ bin Hisyam al-DÉn al-HindÉ (Al-‘AllÉmah) (2004), *Kanzu al-‘Umal FÉ Sunani al-AqwÉl wa al-Af‘él*. cet. 2, juz. 10, Beirut, Lubnan: DÉr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 5.

<sup>127</sup> Lihat bab 1, h. 34.

Adapun membaca Selawat Syifa' yang menjadi kompenan bacaan Asas Sepuluh di Darussyifa' dan penggunaannya dalam pengubatan adalah harus<sup>128</sup> dan ianya sekali-kali tidak bercanggah serta sah pada hukum syarak,<sup>129</sup> ini juga berdasarkan pandangan Dr. Wahbah al-ZuÍailÊ semasa sesi temubual bersamanya dengan Dr Zukifli Mohamad al-Bakri sewaktu kedatangannya ke Kuala Lumpur dalam mengisi program Munajat Umat Tolak Fitnah, pada 14 Mei 2011, selasa, di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah. Shah Alam, Selangor. Malah beliau menegaskan bahawa selawat syifa' menjadi bacaan rutinnya apabila beliau tidak sihat dan memberi kesan yang baik serta memberansangkan setelah membacanya. Cuma beliau mempunyai lafaz dan kaedahnya yang tersendiri mengikut apa yang telah diajar oleh Syaikh HashÊm al-KhaÏÊb, katanya “telah mengajarkan kepada kami selawat ini (selawat syifa’). Cara mengamalkan selawat ini ialah kamu meletakkan tangan kamu di atas pelipis sebelah kanan dengan hati yang khusuk dan lakukannya sepuluh kali, nescaya beroleh kesembuhan dengan izin Allah. Amalan ini mujarab di mana aku pernah mengamalkannya dan aku tidak memerlukan ubat (setelah beramal dengan selawat ini) dan kaedah bacaanya ialah:<sup>130</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طِبَّ الْقُلُوبِ وَذَوَائِهَا وَعَافِيَةُ الْأَبْدَانِ  
وَشِفَائِهَا وَنُورُ الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ

*Terjemahannya:*

<sup>128</sup> Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (Dr). Mantan pensyarah Universiti Sains Malaysia (USIM), AJK Fatwa Negeri Sembilan dan Negeri Terengganu dan Penulis Tamu di Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM). Kenyataan ini dinyatakan semasa sesi pembentangan kertas kerja yang bertajuk, *Tareqat Mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w..* dalam program “Simposium Tareqat Tasawuf” di Madrasah As-Saidiyyah, Rasah, Seremban, Negeri Sembilan. Pada 14 Mei 2011, malam Ahad, (jam 9.50 malam).

<sup>129</sup> Wahbah al-ZuhailÊ. Temubual ini dilakukan sewaktu kedatangannya ke Kuala Lumpur dalam mengisi program Munajat Umat Tolak Fitnah, pada 14 Mei 2011, selasa, (jam 5.30 petang) di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah. Shah Alam, Selangor. (Malah beliau menegaskan bahawa selawat syifa' menjadi bacaan rutinnya apabila beliau tidak sihat dan memberi kesan yang baik serta memberansangkan setelah membacanya).

<sup>130</sup> Wahbah al-ZuÍailÊ (Dr) (2005/1426H), *FatÉwÉ al-‘AÎr FÊ al-‘IbÉdÉt Wa al-Mu‘ÉmalÉt Wa ×ÉjÉti al-NÉs WastifsÉrÉtihim*, Beirut: DÉr al-Khair, h. 71.

*Ya Allah! Berilah rahmat ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. yang menyembuhkan sekelian hati, menjadi penawar dan menyihatkan tubuh badan, juga memberi kesembuhan penyakit serta mengurniakan cahaya penglihatan dan kurniakanlah juga rahmat keberkatan dan kesejahteraan ke atas keluarga dan sahabat Baginda.*

Begitu jugalah hukumnya membaca Selawat Tafrijiyah dalam mengubat penyakit kerana membaca kedua-dua selawat tersebut adalah sebagai jalan bertawasul dengan amalan baik serta untuk mendapat keberkatan dalam merawat sebarang penyakit.<sup>131</sup>

g) Membaca Empat Ayat Terakhir Surah al-*Qasyr* Dalam Pengubatan<sup>132</sup>

Sebagaimana bacaan ayat Kursi dan bacaan حم عَسْقَ كَهْيَعَصَ yang digunakan dalam rawatan begitu juga dengan bacaan empat ayat terakhir surah al-Hasyr adalah dibenarkan di sisi syarak kerana Allah telah berfirman.

وَنُزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ ..... (82)  
al-Isrā' (17): 82

*Terjemahannya:*

*Dan kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar.*

Manakala Rasulullah s.a.w. juga menyarankan supaya berubat sama ada penyakit yang berunsur dalaman (jiwa) atau luaran (fizikal) dengan ayat-ayat al-Quran.

h) Membaca Doa Menghindar Syaitan Dalam Pengubatan<sup>133</sup>

<sup>131</sup> Manan Mohammad (Dr). Temubal pada 2 Mei 2011.

<sup>132</sup> Lihat bab 1, h. 35.

<sup>133</sup> Lihat bab 1, h. 36.

Adapun berdoa dengan doa menghindar syaitan dalam merawat penyakit yang berlaku disebabkan gangguan jin atau syaitan adalah tidak salah pada sisi syarak, walaupun tidak semua kalimah yang tersusun dalam matannya bersumberkan *ÍadÉth* dan *al-qur'Én* atau dalil khusus, ini kerana ia merupakan amalan gabungan *ÍadÉth*, *doa* dan *ayat al-qur'Én*. Oleh itu beramal dengan ketiga-tiga amalan tersebut sama ada secara berasingan atau menggabungkannya adalah satu kebaikan dan pastinya ada keberkatan serta mampu melindungi diri atau menolak gangguan syaitan.

i) Membaca Lafaz Salam Ke Atas Nabi Sulaiman Dalam Pengubatan<sup>134</sup>

Adalah sah dan harus di sisi syarak membaca lafaz salam ke atas Nabi Sulaiman a.s. dalam merawat penyakit walaupun Allah tidak mengungkapkan kalimah *salÉm* ke atas nabi Sulaiman a.s. secara khusus, sebagaimana telah diucapkan kalimah *salÉm* ke atas beberapa nabi lain kerana secara umumnya Allah s.w.t. telah mengucapkan kalimah salam ke atas semua Rasul-rasul-Nya. Oleh itu sebagai orang yang beriman dengan semua para Rasul Allah, adalah dibolehkan mengambil keberkatan dengan mana-mana rasul atau kalangan semua nabi, kerana mereka semua adalah insan pilihan dan maksum di sisi Allah,<sup>135</sup> sebagaimana firman Allah s.w.t.

وَسَلَّمَ عَلَى الْمُرْسَلِينَ (181)

al-ØffEt 37:

181.

*Terjemahannya:*  
*Dan kesejahteraan dilimpahkan atas para rasul.*

---

<sup>134</sup> Lihat bab 1, h. 36.

<sup>135</sup> Musa Muhammad Ali, *op. cit.*, h. 48.

Berdasarkan ayat di atas sama ada nama mereka (para nabi dan rasul) disebut atau tidak, semuanya mendapat pujian daripada Allah s.w.t.<sup>136</sup> Maka pada hakikatnya ungkapan salam daripada Allah ke atas Nabi Sulaiman a.s. juga telah termaktub dalam kitab Allah s.w.t. dan beramat dengan amalan ucapan salam ke atasnya pasti mempunyai kekuatannya yang tersendiri. malah dibolehkan juga dengan orang-orang soleh walaupun mereka bukan nabi Allah.<sup>137</sup>

j) Membaca Doa Sulaiman Dalam Pengubatan<sup>138</sup>

Menggunakan bacaan doa Sulaiman dalam amalan pengubatan Islam atau doa amalan harian bagi memohon perlindungan Allah daripada sebarang musibah, penyakit atau gangguan iblis adalah merupakan satu bentuk permohonan keselamatan kepada Allah melalui kaedah jampi iaitu dengan permohonan terus kepada Allah sama ada dengan menyandarkan kepada zat, sifat-sifat dan nama-nama-Nya yang maha sempurna dalam bahasa yang difahami adalah tidak bertentangan dengan syarak dan harus diamalkan.

### 3.5. Kesimpulan

---

<sup>136</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *op. cit*, h. 6088-6138.

<sup>137</sup> Manan Mohammad (Dr). Temubual pada 2 Mei 2011.

<sup>138</sup> Lihat bab 1, h. 37.

Dalam membicarakan tentang kelebihan dan fadilat ayat-ayat serta doa yang ada dalam amalan Asas Sepuluh Pertama Darussyifa', penulis tidak membawa datang semua fadilat perubatan yang terdapat padanya dan hanya penukilan satu dan dua contoh fadilat sahaja untuk menjadi bukti.

Yang penting adalah prinsip asas Darussyifa' mengambil manfaat daripada ayat-ayat al-Quran, doa dan dhikir yang pastinya mempunyai ratusan kemanfaatan dalam asas rawatannya seperti mengusir dan menundukkan syaitan, menghilangkan kesedihan, kemuraman dan mendatangkan kegembiraan serta ketenteraman hati, menyihatkan badan, menumbuhkan rasa cinta, meningkatkan keyakinan diri dan lain-lain lagi. Ini semua boleh terjadi lantaran terasa diri sentiasa diawasi oleh Allah s.w.t.<sup>139</sup>

Untuk itu dalam persoalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama atau apa-apa bentuk bacaan ayat, *ÍadÊth, doa dan dhikir* di Darussyifa adalah satu perkara yang pada perkiraan penulis perlu dijaga dan dihayati oleh semua ahli Darussyifa khususnya. Bahkan kepada mereka yang menyusun, memelihara dan menggunakan dengan baik wajar diberi pengiktirafan dalam masyarakat kerana mengadakan satu amalan baik lantaran telah menyahut seruan Rasulullah s.a.w. sebagaimana sabdanya yang diriwayatkan oleh Mundhir bin JarÊr:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرٌ هَا وَأَجْرٌ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْفَضِّلْ مِنْ أُخْرِيهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْفَضِّلْ مِنْ أُوْرَاهِمْ شَيْءٌ.  
140

<sup>139</sup> YazÊd bin 'Abd al-QÉdir Jawas, *op. cit.*, h. 45.

<sup>140</sup> AbÊ xusain Muslim bin HajjÊj al-QushairÊ al-NaisÉbÊrÊ (t.t), *op. cit.*, j. 3, "Kitab al-ZakÉh". no. *ÍadÊth* 2398, Beirut: DÉr al-Jail, h. 86.

*Terjemahannya:*

*Sesiapa yang membuat suatu ikutan yang baik dalam Islam maka dia akan mendapat pahala (daripada perbuatannya) dan pahala daripada mereka yang melakukannya (mengikuti perbuatannya itu) tanpa mengurangi pahala mereka masing-masing. Dan sesiapa yang membuat suatu ikutan yang buruk dia akan mendapat dosa (daripada perbuatannya itu) dan dosa orang yang melakukannya (kerana mengikutinya) tanpa mengurangi dosa mereka masing-masing.*

Berdasarkan perbahasan dan pandangan kalangan ulama penulis berpendapat bahawa bacaan Asas Sepuluh Pertama Darussyifa' dan petua yang menjadi salah satu kaedah di Darussyifa' adalah sah pada hukum syarak. Malah ianya bebas daripada segala unsur *bid'ah* *lalÉlah*. Perbincangan ini di ketengahkan melalui disertasi ini, mudah-mudahan ia menjadi satu benteng kefahaman buat ahli Darussyifa' khusunya dan mungkin secara umumnya kepada mereka melakukan pengubatan tradisional Islam yang prinsip dan konsepnya juga seperti prinsip dan konsep yang terdapat dalam kandungan amalan Darussyifa'.

